

BUKU PANDUAN

**SARJANA MUDA
UNDANG-UNDANG (LLB)**

SESI 2020/2021



**FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA**

KANDUNGAN

Mukasurat

Kalendar Pengajian Akademik
Carta Organisasi Fakulti
Matlamat Program Pengajian
Hasil Pembelajaran Program
Sejarah Fakulti
Struktur Pentadbiran
Tenaga Pengajar

Sarjana Muda Undang-Undang, LLB
Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019
Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019
Panduan Mendaftar Program

Ringkasan Kursus

Kursus Wajib Program
Kursus Elektif Program

Program Ijazah Tinggi

Sarjana Undang-Undang
Sarjana Undang-Undang Komersial
Sarjana Pengadilan Jenayah
Sarjana Pengajian Undang-Undang
Doktor Falsafah

Program Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens
Rancangan Pendidikan Undang-Undang Lanjutan (LEEP)
Pusat Pengajian Regulasi Malaysia Universiti Malaya (UMCoRS)
CELEST
Centre For Legal Pluralism & Indigenous Law
Klinik Bantuan Guaman Universiti Malaya (KBGUM)

Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim
Hadiah-Hadiah

Aktiviti Pelajar

Persatuan Undang-Undang
Persatuan Pelajar Undang-Undang Asia (ALSA)
Community Outreach Programme (COP)
Kelab Moot

KALENDAR PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2020/2021

Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian)

SEMESTER I

Haluansiswa	1 minggu	04.10.2020 – 11.10.2020
Kuliah	5 minggu*	12.10.2020 – 15.11.2020
Cuti Pertengahan Semester I	1 minggu	16.11.2020 – 22.11.2020
Kuliah	9 minggu*	23.11.2020 – 24.01.2021
Peperiksaan Akhir Semester I	3 minggu*	25.01.2021 – 14.02.2021
Cuti Semester	4 minggu	15.02.2021 – 07.03.2021

22 minggu
=====

SEMESTER II

Kuliah	10 minggu*	08.03.2021 – 16.05.2021
Cuti Pertengahan Semester II	1 minggu	17.05.2021 – 23.05.2021
Kuliah	4 minggu*	24.05.2021 – 20.06.2021
Minggu Ulangkaji	1 minggu	21.06.2021 – 27.06.2021
Peperiksaan Akhir Semester II	3 minggu*	28.06.2021 – 18.07.2021

19 minggu
=====

CUTI SEMESTER

Cuti	11 minggu*	19.07.2021 – 03.10.2021
------	------------	-------------------------

SEMESTER KHAS


Kuliah	7 minggu*	26.07.2021 – 12.09.2021
Peperiksaan Akhir Semester Khas	1 minggu*	13.09.2021 – 19.09.2021
Cuti	2 minggu*	10.09.2021 – 03.10.2021

10 minggu
=====


@@

- * Hari Kebangsaan (31 Ogos 2020)
- Hari Malaysia (16 September 2020)
- Maulidur Rasul (29 Oktober 2020)
- Deepavali (14 November 2020)
- Hari Krismas (25 Disember 2020)
- Tahun Baharu (01 Januari 2021)
- Hari Thaipusam (28 Januari 2021)
- Hari Wilayah (01 Februari 2021)
- Tahun Baru Cina (12 & 13 Februari 2021)
- Nuzul Al-Quran (29 April 2021)
- Hari Pekerja (01 Mei 2021)
- Hari Raya Aidilfitri (13 & 14 Mei 2021)
- Hari Wesak (26 Mei 2021)
- Hari Keputeraan YDP Agong (7 Jun 2021)
- Hari Raya Aidiladha (20 Julai 2021)
- Awal Muharam (10 Ogos 2021)
- Hari Kebangsaan (31 Ogos 2021)

**CARTA ORGANISASI FAKULTI
STAF PENTADBIRAN**



CARTA ORGANISASI FAKULTI STAF AKADEMIK



FAKULTI UNDANG-UNDANG

MATLAMAT PROGRAM

Misi

Memajukan ilmu pengetahuan undang-undang, pembelajaran dan kemahiran melalui penyelidikan berkualiti, pelajaran dan latihan profesional untuk profesion, negara dan manusia sejagat.

Visi

Menjadikan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya terkenal dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengajaran.

Objektif

Menghasilkan graduan undang-undang yang :

1. Menghayati prinsip-prinsip etika dan juga prihatin tentang tanggungjawab sosial.
2. Terlatih dengan kemahiran komunikasi dan advokasi.
3. Kemahiran menyelidik dan menganalisa di dalam menyelesaikan permasalahan undang-undang.
4. Boleh berkomunikasi dengan baik, sama ada secara lisan atau bertulis, di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
5. Mengutamakan pendidikan berterusan.
6. Mampu berinteraksi secara global dan bertindak balas terhadap perubahan-perubahan didalam profesion perundangan.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Pada akhir program Sarjana Muda Undang-Undang, graduan dapat :

- P01 Memajukan ilmu pengetahuan undang-undang, pembelajaran dan kemahiran melalui penyelidikan berkualiti, pelajaran dan latihan profesional untuk profesion, negara dan manusia sejagat.
- P02 Menjadikan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya terkenal dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengajaran dengan menggunakan kemahiran perundangan untuk tujuan melaksanakan fungsi pengamal undang-undang.
- P03 Untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan tinggi, kompeten dalam aspek guaman, memahami tanggungjawab sosial dan boleh berfungsi secara efektif untuk menyumbang kepada perkhidmatan yang baik serta berpegang teguh kepada prinsip profesional guaman.
- P04 Graduan perundangan profesional yang mahir dalam disiplin guaman dan beretika tinggi adalah sesuai dengan misi, visi dan matlamat Universiti. Sekaligus dapat melahirkan tenaga profesional yang dapat memenuhi keperluan negara dan boleh bersaing dengan profesional lain di peringkat global.
- P05 Berkomunikasi di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, serta memimpin dan bekerja secara berpasukan dalam segala aspek.
- P06 Menyelesaikan permasalahan perundangan dengan mengaplikasikan undang-undang yang relevan.
- P07 Mengenalpasti, mencapai dan mengurus maklumat perundangan serta berterusan menimba pengetahuan perkembangan undang-undang semasa. Ini merupakan pembelajaran sepanjang hayat.
- P08 Melaksanakan kemahiran pengurusan dan keusahawanan asas dalam profesion undang-undang.

SEJARAH FAKULTI UNDANG-UNDANG

Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya menyediakan pendidikan dalam bidang undang-undang. Matlamat Fakulti ini adalah untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi amalan profesional, etika dan kajian kritis undang-undang bagi memenuhi kehendak organisasi sosial, perubahan sosial dan keadilan.

Semasa permulaannya pada tahun 1972, Fakulti hanya menawarkan satu program pada peringkat ijazah pertama iaitu Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) (LLB). Ijazah LLB adalah kombinasi kelayakan akademik dan profesional yang membolehkan pemegang ijazah diterima masuk sebagai seorang peguamcara Mahkamah Tinggi selepas tamat tempoh latihan (*pupillage*).

Fakulti telah membuat kajian semula struktur ijazah LLB untuk membolehkan pelajar memperoleh sejumlah jam kredit daripada kursus yang ditawarkan oleh Fakulti lain. Kajian juga bermatlamat memantapkan lagi komponen profesional dalam ijazah LLB. Kursus akademik ditawarkan dalam tiga peringkat pengajian yang pertama manakala peringkat pengajian yang keempat adalah terdiri dari komponen profesional. Penyusunan semula ini berkuatkuasa mulai sesi akademik 1996/1997. Peruntukan baru ini juga membolehkan pelajar yang tidak mahu diterima masuk sebagai seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi untuk tidak meneruskan ke peringkat keempat pengajian dan dianugerahkan ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (B.Juris). Walau bagaimanapun, mulai sesi 2010/2011, hanya pengajian Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang sahaja yang ditawarkan.

Fakulti ini bermula dengan 50 orang mahasiswa. Semenjak tahun 1978, pengambilan tahunan mahasiswa ialah seramai 100 orang. Kumpulan pertama pelajar telah lulus dan mendapat ijazah mereka dalam tahun 1976. Terdapat ramai graduan Fakulti ini yang bergiat dalam bidang politik dan perundangan dan mereka yang berkhidmat dengan badan kehakiman. Sebahagiannya telah memasuki badan-badan berkanun sebagai penasihat undang-undang dan menjalankan kerja sebagai pengambil undang-undang di seluruh negara ini. Terdapat juga graduan Fakulti yang telah tamat pengajian ijazah tinggi di beberapa buah Universiti di Amerika dan negara-negara Komanwel.

Tenaga pengajar Fakulti terdiri daripada rakyat Malaysia dan juga ahli akademik dari luar negara. Fakulti juga dari masa ke semasa menerima lawatan jangka pendek oleh ahli-ahli akademik dari negara-negara yang lain seperti Eropah, India, Australia dan Amerika Syarikat yang memberi kuliah atau seminar kepada para pelajar, khususnya pada peringkat sarjana. Tahap akademik Fakulti dikekalkan sehingga kini dengan adanya penilai luar yang dilantik dari Amerika Syarikat, Kanada, Australia, United Kingdom dan universiti-universiti dari Negara Komanwel yang lain, dan juga dari Perkhidmatan Kehakiman Malaysia. Fakulti juga mengendalikan program Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal). Bagi program ini pelajar akan dianugerahkan dengan ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal). Pendaftaran pelajar dan peperiksaan untuk program ini dikendalikan sepenuhnya oleh Fakulti.

Fakulti juga menawarkan kursus-kursus jangka pendek untuk para profesional undang-undang, separa undang-undang dan kumpulan lain yang berminat di bawah Rancangan Pendidikan Undang-Undang Lanjutan (LEEP). Fakulti juga mengendalikan beberapa siri kuliah umum seperti Siri Kuliah Undang-Undang Sultan Azlan Shah, Siri Kuliah Undang-Undang Peringatan Tun Abdul Razak, Siri Peringatan Kuliah Tun Mohamed Suffian, Siri Kuliah Kursi Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali dan Siri Kuliah Kursi Yayasan Tunku Abdul Rahman.

STRUKTUR PENTADBIRAN**Pengurusan Fakulti**

Dekan	:	Dato' Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Sabaruddin
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)	:	Dr. Nadhratul Wardah Salman
Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)	:	Datin Profesor Madya Dr. Norbani Mohamed Nazeri
Timbalan Dekan (Penyelidikan)	:	Dr. Ainee Adam

Pentadbiran Fakulti

Penolong Pendaftar Kanan	:	Puan Nurulhana Shamsuddin
Penolong Pendaftar	:	Puan Siti Wirni Mohamed Puan Raihul Amar Md. Ali Cik Nur Hidayah Nasaruddin
Pegawai Tadbir	:	Cik Fanty Hardiana Minto
Pegawai Pengurusan Penyelidikan	:	Puan Nurin Hanani Baharul Azhar
Pegawai Projek	:	Encik Raymond Vincent Linus Nunis Encik Raphael Kok Chi Ren
Setiausaha Pejabat	:	Puan Maizatul Akmar Mohd Amin Puan Murshida Syaril Puan Siti Fareha Mohamed Ramli
Penolong Jurutera	:	Encik Ahmad Fazreen Abd Rashid Encik Roshafizan Yusof
Penolong Pegawai Tadbir	:	Puan Nur Ain Abd Hamid Cik Nurul Syahidatul Amira Ahmad Shamsuddin
Pembantu Tadbir (Kewangan)	:	Cik Raja Maizanariah Raja Azmi
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	:	Puan Aida Rasid Puan Nor Kesumawati Muslin Cik Al Zarinah Awang Mokhtar Puan Amy Hazlina Abdul Rahman Puan Nadia Mohd Ismail Puan Nur Atikah Sulaiman
Pembantu Operasi	:	Encik Ahmad Mohd Ramli

TENAGA PENGAJAR

- Penyandang Kursi** : **Datuk Profesor Emeritus Dr. Shad Saleem Faruqi**
Yayasan Tunku Abdul Rahman
BA (Wasleyan), LLB (Hons) (Aligarh), LLM (Aligarh), PhD (UIAM)
- Bidang Kepakaran*
Undang-Undang Perlembagaan
Undang-Undang Pentadbiran Lanjutan
- Profesor** : **Choong Yeow Choy**
LLB (Hons) (Mal), LLM (Harvard), PhD (Melbourne)
- Bidang Kepakaran*
Acara Sivil
Undang-Undang Syarikat
Undang-Undang Perkongsian
Litigasi Sivil Transnasional
Timbangtara Komersial Antarabangsa
- Datin Mary George**
BSc (Kerala), LLB (Bangalore), LLM (London), PhD (Sydney)
- Bidang Kepakaran*
Undang-Undang Antarabangsa Awam
Undang-Undang Udara dan Angkasa Lepas
Undang-Undang Laut
Ekuiti dan Amanah
- Profesor Madya** : **Jal Zabdi Mohd Yusoff**
DPA (UiTM), LLB (Hons) (Mal), LLM (Mal), PhD (Mal)
DSLIP (UiTM)
- Bidang Kepakaran*
Undang-Undang Keterangan
Undang-Undang Jenayah
Undang-Undang Kanak-Kanak
Jenayah Dalam Keluarga
- Dato' Johan Shamsuddin Sabaruddin**
LLB (Hons) (Mal), LLM (UCL, London),
PhD (SOAS, London)
- Bidang Kepakaran*
Undang-Undang Perlembagaan Malaysia
Undang-Undang dan Masyarakat
Pendidikan Undang-Undang
Undang-Undang dan Keganasan

Md. Khalil Ruslan

Bachelor of Syariah (Mal), MCL (UIAM), PhD (Edinburgh)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Jenayah Islam
Undang-Undang Keterangan Islam
Muamalat

Datin Norbani Mohamed Nazeri

LLB (Hons)(Mal), LLM (LSE London)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Keterangan
Undang-Undang Jenayah
Keadilan dan Kebajikan Juvana
Pendidikan Undang-Undang Untuk Masyarakat

Tay Pek San

BSc, LLB (Hons)(Sydney), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Harta Intelek dan Perindustrian
Undang-Undang Kontrak
Undang-Undang Cap Dagangan

**Profesor Madya
(Industri)**

:

Zuraida Rastam Shahrom

LLB (Hons)(Wales), LLM (Mal), CLP

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Asasi Manusia
Undang-Undang Triti dan Tafsiran Triti
Undang-Undang Sekuriti (Tindakan Pentadbiran)
Undang-Undang Syarikat

**Felo Penyelidik
Kanan**

:

Tie Fatt Hee

BA (Hons)(Mal), Diploma in Education (Mal), M.Ed (Mal),
LLB (Hons)(London), CLP, LLM (Mal), SJD (Bond, Australia)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Syarikat
Undang-Undang Pendidikan
Undang-Undang dan Ekonomi
Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa

Felo Penyelidik : **Datin Grace Manoranjitham Singh-Xavier**
LLB (Hons)(London), LLM (Mal), LLM (London), CLP,
Diploma in International Commercial Arbitration (London)
FCI Arb, FMI Arb

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Pembinaan
Undang-Undang Tanah
Undang-Undang Timbangtara
Penyelesaian Pertelingkahan Alternatif
Undang-Undang dan Pemaju Perumahan
Undang-Undang dan Ambil Milik Tanah

Ramy Bulan
LLB (Hons)(Mal), LLM (Bristol), PhD (ANU, Australia)

Bidang Kepakaran
Ekuiti dan Amanah (termasuk Pentadbiran Harta Pesaka)
Sistem Undang-Undang di Malaysia
Orang Asal dan Undang-Undang Hak Asasi Antarabangsa
Undang-Undang Adat
Hak-Hak Kumpulan Minoriti dan Orang Asal

Pensyarah Kanan : **Abd Muhsin Ahmad**
Bachelor of Syariah (Mal), MCL (UIAM)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Islam
Undang-Undang Keterangan Islam
Undang-Undang Jenayah Islam
Undang-Undang Keluarga Islam

Abdul Samad Abdul Ghani
LLB (Hons)(Liverpool), LLM (Wales), PhD (Leeds)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Tort
Keadilan Jenayah, Kriminologi, Viktimologi
Jenayah Siber
Privasi
Jurisprudens

Ahmad Saufi Abdul Rahman
LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Syarikat
Undang-Undang Kontrak
Urusan-Urusan Perdagangan

Ainee Adam

LLB (Hons)(UIAM), LLM (Intellectual Property)(Monash),
PhD (Monash)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Cipta Antarabangsa
Undang-Undang Harta Intelek
Jenayah Harta Intelek
Sejarah Undang-Undang Harta Intelek

Faizah Nazri Abd Rahman

LLB (Hons)(SHU), LLM (Soton), PhD (City Lond)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Maritim
Undang-Undang Tort
Undang-Undang Persatuan
Undang-Undang Kontrak

Farah Nini Dusuki

LLB (Hons)(UIAM), MCL (UIAM), PhD (Cardiff)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Kanak-Kanak
Pentadbiran Keadilan Jenayah
Kaedah Undang-Undang
Undang-Undang Kontrak

Izura Masdina Mohamed Zakri

LLB (Hons)(Manchester Met), LLM (Nottingham), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Antarabangsa
Undang-Undang Kontrak
Undang-Undang Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Mohammad Ershadul Karim

LLB (Hons)(London), LLM (Dhaka), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Nanoteknologi dan Polisi
Undang-Undang Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Undang-Undang Hak Asasi Manusia
Undang-Undang dan Sains
Tort
Undang-Undang Antarabangsa Awam
Comparative Law and Legal System

Mohammad Firdaus Abdul Aziz

BSc (Hons)(Mal), MA (Sheffield), D.Phil (Oxon)

Bidang Kepakaran

Regulation Law and Ethics of Stemcell Research

Undang-Undang Biodiversiti

Undang-Undang Biosafeti

Nadhratul Wardah Salman

LLB(Hons)(UIAM), LLM (Mal), M.Res (Leeds Met),

PhD (Manchester Met)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Sukan

Undang-Undang Perlembagaan

Undang-Undang Tort

Nurhalida Mohamed Khalil

LLB (Hons)(Mal), LLM (London)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan

Antarabangsa

Undang-Undang Perlembagaan

Nur Jaanah Abdullah

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (Manchester)

Bidang Kepakaran

Pentadbiran Keadilan Jenayah

Undang-Undang Insurans

Undang-Undang Kesihatan Umum

Remedi

Jenayah Siber

Mediation Language and Law

Pardis Moslemzadeh Tehrani

LLB (Ferdowsi Uni. of Mashhad), LLM (Islamic Azad Uni),

PhD (UKM)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Siber

Undang-Undang Harta Intelek

Undang-Undang Teknologi Maklumat

Undang-Undang dan Masyarakat

Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan

Kemanusiaan Antarabangsa

Sarah Tan Yen Ling

LLB (Hons)(Lond), LLM (Auckland), CLP, PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Antarabangsa
Undang-Undang Alam Sekitar
Jurisprudens

Saw Tiong Guan

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (Melbourne)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Pentadbiran
Undang-Undang Perlembagaan
Undang-Undang Media

Sharon Kaur Gurmukh Singh

LLB (Hons)(Cardiff), MA (Medical Law & Etihcs)(Kings),
PhD (UCL)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Perubatan
Etika Perubatan
Undang-Undang Perlembagaan
Jurisprudens

Sherin Kunhibava

LLB (Hons)(London), CLP, LLM (Mal), PhD (Monash)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Perbankan dan Kewangan Islam
Undang-Undang Komersial
Derivatif Islam
Pasaran Modal Islam

Sik Cheng Peng

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Hak Cipta
Undang-Undang Tanah
Undang-Undang Harta Intelek

Sridevi Thambapillay

LLM (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Keluarga
Undang-Undang Pentadbiran
Urusan Bank dan Suratcara Urusniaga

Sujata Balan

LLB (Hons)(London), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Amalan Profesional

Undang-Undang Syarikat

Prosedur Sivil

Usharani Balasingam

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (UNISEL)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang Persatuan

Undang-Undang Pendidikan

Sistem Undang-Undang Malaysia

Ekuiti dan Amanah

Zalina Abdul Halim

LLB (Hons)(Mal), LLM (Melbourne), PhD (Manchester)

Bidang Kepakaran

Kaedah Undang-Undang

Undang-Undang Media

Undang-Undang dan Masyarakat

Undang-Undang Tanah

Metodologi Penyelidikan

Pendidikan Undang-Undang

Zulazhar Tahir

LLB (Hons)(Mal), LLM (Mal), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran

Prosedur Jenayah

Undang-Undang Jenayah

Sistem Undang-Undang Malaysia

Pensyarah Kanan :
(Industri)

Magesan R. Ayavoo

LLB (Hons)(London), LLM (East London), CLP

Bidang Kepakaran

Prosedur Jenayah

Amalan Profesional

Pensyarah :

Aisyah Mohd Soberi

LLB (Hons)(Mal), MCJ (Mal)

Bidang Kepakaran

Undang-Undang dan Masyarakat

Undang-Undang Keterangan

Pendidikan Undang-Undang Secara Klinikal

Najwa Rosli

LLB (Hons)(UIAM), LLM (Manchester), PhD (Mal)

Bidang Kepakaran
Ekuiti dan Amanah
Kaedah Undang-Undang
Tort

Nur Husna Zakaria @ Kira

LLB (Hons)(Mal), LLM (Corporate Law), CLP

Bidang Kepakaran
Perangkaan Perundangan
Pengenalan Kepada Undang-Undang Persaingan

Nor Asyikeen Mohd Salleh

LLB (Hons)(UIAM), LLM (Harta Intelekt)(UKM)

Bidang Kepakaran
Undang-Undang Tanah
Pengenalan Kepada Harta Intelekt

Simon Alexander Wood

B.Comm (Melbourne), LLB (Melbourne), LLM (Mal)

Bidang Kepakaran
Hak Asasi Manusia
Undang-Undang Jenayah (Anti Keganasan)

Stewart Manley

Bachelor of Arts (Bowdoin College), Master of Arts
(Columbia University), Doctor of Jurisprudence
(Uni. of Arizona)

Bidang Kepakaran
Moot
Ekuiti dan Amanah

SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG, (LLB)

Am

Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, (LLB) melayakkan pemegangnya, selepas menjalani suatu tempoh latihan dalam kamar (chambering/pupilage), diterima sebagai seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi. Sebagai suatu ijazah akademik dan juga profesional, kurikulum LLB meliputi kedua-dua aspek akademik dan latihan amali undang-undang.

Tempoh Pengajian

Minimum : 8 semester biasa, 1 semester khas
Maksimum : 12 semester

Jumlah Kredit Pengajian

Berikut adalah jumlah kredit yang perlu disempurnakan oleh seseorang pelajar berdasarkan kepada sesi pelajar tersebut berdaftar;

- ✓ Sesi kemasukan 2011/2012 dan 2013/2014 = 148 kredit
- ✓ Sesi kemasukan 2014/2015 = 150 kredit
- ✓ Sesi kemasukan 2015/2016 = 151 kredit
- ✓ Sesi kemasukan 2016/2017 dan seterusnya = 160 kredit

Struktur Pengajian Ijazah (SPI)

Struktur Program	Kredit
Kursus Universiti	15
Kursus Teras Program	66
Kursus Elektif Program	39
Kursus Profesional	40
Kredit Keseluruhan	160

Struktur Pengajian

Komponen	Mulai Sesi Kemasukan 2011/2012 (kredit)	Mulai Sesi Kemasukan 2014/2015 (kredit)	Mulai Sesi Kemasukan 2015/2016 (kredit)	Mulai Sesi Kemasukan 2016/2017 (kredit)
Kursus Universiti				
▪ TITAS	-	-	2	2
▪ Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	2	-	-
▪ Hubungan Etnik	2	2	2	2
▪ Asas Pembudayaan Keusahawanan	2	2	2	2
▪ Jalinan Masyarakat	-	2	2	2
▪ Kemahiran Maklumat	1	1	-	-
▪ Literasi Maklumat	-	-	2	2
▪ Ko-Kurikulum	2	2	2	2
▪ Elektif Luar Fakulti	6	6	6	3
Komponen Fakulti				
▪ Wajib Program	99	99	99	100
▪ Moot	4	4	4	3
▪ Sangkutan Undang-Undang	3	3	3	-
▪ Internship Undang-Undang	-	-	-	3
▪ Bahasa Inggeris	12	12	12	-
▪ Elektif Dalam	15	15	15	-
▪ Elektif Program	-	-	-	39
Jumlah	148	150	151	160

Kemahiran Insaniah

Mulai semester II, sesi 2016/2017, pihak Universiti Malaya telah menilai aspek-aspek kemahiran insaniah dalam semua kursus tahap akhir. Tujuh aspek Kemahiran Insaniah yang utama yang perlu dinilai ialah :

1. Kemahiran berkomunikasi
2. Pemikiran kritis dan penyelesaian masalah
3. Kemahiran berpasukan
4. Pembelajaran sepanjang hayat
5. Kemahiran keusahawanan
6. Etika dan nilai profesionalisma
7. Kemahiran kepimpinan

Di Fakulti Undang-Undang, kebanyakan aspek-aspek Kemahiran Insaniah di atas telah diterapkan dalam semua kursus. Semua kursus menggunakan kaedah penyelesaian masalah menerusi kes (case study), perbincangan dalam tutorial, tugasan, moot atau perbahasan di mana aspek-aspek seperti kemahiran berkomunikasi, berfikir kritis dan bekerja secara berpasukan adalah amat ketara. Fakulti Undang-Undang akan terus memantau dan meningkatkan aspek-aspek

Kemahiran Insaniah di atas supaya graduan dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan undang-undang yang baik, tetapi berketerampilan dari semua aspek.

Elemen atau komponen Kemahiran Insaniah dinilai dengan melihat sama ada pelajar telah mencapai tahap atau belum mencapai tahap dan tiada pemarkahan dibuat. Satu sijil Kemahiran Insaniah akan diberi jika pelajar dinilai sebagai mencapai tahap yang diperlukan dalam kesemua tujuh kemahiran di atas. Walau bagaimanapun, ketiadaan sijil ini tidak akan menjejaskan penganugerahan ijazah akademik para pelajar.

Bahasa Pengantar

Bahasa pengantar yang digunakan ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kursus yang dikendalikan oleh warganegara asing atau yang mempunyai keperluan diajar dalam Bahasa Inggeris akan disampaikan dalam Bahasa Inggeris. Bagi kursus yang dikendalikan dalam Bahasa Inggeris, pelajar boleh memaklumkan kepada pensyarah sekiranya memerlukan bahan cetak dalam Bahasa Melayu. Manakala tutorial pula dijalankan dalam Bahasa Inggeris.

Tanggungjawab Pelajar

1. Memastikan pendaftaran dilakukan mengikut arahan dan jadual pendaftaran yang dikeluarkan sebelum semester bermula.
2. Merancang pendaftaran kursus dengan bijak untuk mengekalkan pencapaian akademik pada PNG 3.0 ke atas pada setiap semester.
3. Menghadiri semua kelas dan mengikuti semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
4. Memastikan ketidakhadiran kelas dilaporkan dengan segera kepada Fakulti dengan mengisi borang yang telah disediakan.
5. Berjumpa dengan Panel Penasihat Akademik atau pihak Pengurusan Fakulti bagi mendapatkan bimbingan dan nasihat mengenai pengajian, atau sekiranya mempunyai masalah yang boleh menjejaskan prestasi pengajian.
6. Memastikan tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang yang boleh menjurus kepada tindakan tatatertib atau pelajar ditamatkan pengajiannya.
7. Memastikan semua keperluan untuk mengijazah disempurnakan.

Pendaftaran Kursus

Kredit Maksimum yang dibenarkan oleh seorang pelajar untuk didaftar dalam 1 semester adalah seperti berikut;

- Sehingga 22 kredit = Semester Biasa
- Sehingga 11 kredit = Semester Khas

Pelajar Di Bawah Tempoh Pemerhatian

1. Pelajar yang memperolehi PNG < 2.00 dalam sesuatu semester akan diberi keputusan Pemerhatian bagi semester berkenaan dan diletakkan di dalam Tempoh Pemerhatian Akademik dalam semester berikutnya di mana pelajar mendaftar. Tempoh ini akan terus kekal sehingga PNG pelajar tersebut mencapai 2.00.
2. Dekan atau Timbalan Dekan Ijazah Dasar hendaklah memberi amaran kepada pelajar berkenaan, berhubung status pemerhatiannya.
3. Kredit yang dibenarkan adalah seperti berikut;
 - Tidak lebih daripada 15 kredit pada Semester Biasa
 - Tidak lebih dari 9 kredit pada Semester Khas

Kehadiran Dalam Program Pengajian

1. Pelajar **diwajibkan** menghadiri semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan program pengajiannya.
2. Pelajar yang tidak menghadiri mana-mana aktiviti pengajaran dan pembelajaran dikehendaki memaklumkan alasan ketidakhadirannya kepada pensyarah dengan segera beserta dokumen sokongan yang berkaitan.
3. Pensyarah hendaklah memaklumkan kepada pelajar akibat ketidakhadiran dan bertanggungjawab menyimpan rekod pemakluman dan kehadiran kelas.

Penarikan Diri Dari Kursus

1. Penarikan diri dari kursus bermaksud penarikan diri dari 1 atau lebih kursus dalam sesuatu semester selepas Minggu ke 2. Butiran penarikan diri dari kursus adalah seperti berikut;

Semester	Tempoh	Yuran	Gred Yang Diperolehi
Biasa	Minggu 1 – 2	Tidak	Tiada Gred
	Minggu 3 – 7	Ya	Gred W
Khas	Minggu 1 - 2	Tidak	Tiada Gred

2. Pelajar boleh menarik diri dari kursus tidak lewat dari Minggu ke 2 sesuatu semester. Pelajar tidak akan dikenakan yuran dan rekod pendaftaran kursus berkenaan dihapuskan.
3. Pelajar yang menarik diri dari kursus selepas Minggu ke 2 semester biasa akan dikenakan yuran dicatatkan gred W bagi kursus berkenaan. Penarikan diri dari mana-mana kursus selepas Minggu ke 7 semester biasa dan selepas M2 semester khas tidak dibenarkan kecuali atas alasan perubatan.
4. Penarikan diri dari kursus atas alasan perubatan hendaklah dibuat kepada Timbalan Naib Canselor yang berkenaan melalui Dekan Fakulti. Sekiranya permohonan diluluskan, kursus berkenaan akan dicatatkan dengan Gred W. Yuran akan dikenakan jika permohonan selepas Minggu ke 7 semester biasa atau selepas Minggu ke 2 semester khas.
5. Permohonan atas alasan perubatan hendaklah disokong dengan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Klinik Kesihatan Pelajar Universiti/hospital pengajar/Pusat Perubatan Universiti Malaya/Pusat Perubatan Swasta.

6. Sekiranya permohonan tidak diluluskan, pelajar dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi kursus berkenaan. Kegagalan pelajar meneruskan pengajiannya bagi keseluruhan kursus berkenaan menyebabkan pelajar diberikan gred F.
7. Penarikan diri dari kursus atas alasan berikut **tidak dibenarkan** ;
 - Prestasi pelajar tidak memuaskan bagi mana-mana kursus
 - Kekurangan persediaan bagi kursus berkenaan
 - Tidak puas hati terhadap mana-mana kursus
8. Penarikan diri dari mana-mana kursus **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali apabila tempoh peperiksaan semester telah bermula

Penarikan Diri Dari Semester

1. Penarikan diri dari semester bermaksud penarikan diri dari semua kursus yang didaftarkan bagi semester berkenaan.
2. Pelajar hanya dibenarkan menarik diri dari sesuatu semester setelah menjalani program pengajiannya sekurang-kurangnya 1 semester kecuali atas alasan perubahan.
3. Penarikan diri dari semester terdiri daripada beberapa kategori iaitu;
 - Cuti semester atas alasan perubahan
 - Cuti Gab Year
 - Cuti semester atas alasan mengikuti program mobiliti
 - Cuti semester atas alasan peribadi
4. Permohonan penarikan diri dari semester hendaklah dibuat kepada Dekan Fakulti dalam tempoh yang dibenarkan untuk pertimbangan dan kelulusan.
5. Butiran penarikan diri dari semester adalah seperti berikut;

Kategori	Semester Biasa	Semester Khas	Yuran	Tempoh Pengajian
Atas alasan peribadi	Minggu 1 – 2	Minggu 1 – 2	Tidak	Diambil kira
	Minggu 3 – 7	-	Ya	Diambil kira
Atas alasan program mobiliti	Minggu 1 – 2	Minggu 1 – 2	Tidak	Tidak diambil kira
	Minggu 3 – 14	Minggu 3 – 7	Ya	Tidak diambil kira
Atas alasan perubahan	Minggu 1 – 7	Minggu 1 – 2	Tidak	Tidak diambil kira
	Minggu 8 – 14	Minggu 3 – 7	Ya	Tidak diambil kira

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA MUDA) 2019

Pelajar-pelajar diminta untuk merujuk kepada buku :

Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya
(Ijazah Sarjana Muda) 2019

Skim Penggredan

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
90-100 80-89 75-79	A+ A A-	4.0 4.0 3.7	Amat Cemerlang Cemerlang Cemerlang
70-74 65-69 60-64	B+ B B-	3.3 3.0 2.7	Kepujian Kepujian Kepujian
55-59 50-54	C+ C	2.3 2.0	Lulus Lulus
45-49 40-44 35-39 00-34	C- D+ D F	1.7 1.3 1.0 0.0	Gagal Gagal Gagal Gagal

**STRUKTUR PENGAJIAN IJAZAH
SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG (KEPUJIAN)
SESI KEMASUKAN 2020/2021**

TAHUN 1

Semester 1		Semester 2		Semester 3	
LIA1001 Kaedah Undang-Undang	3	LIA1005 Sistem Undang-Undang Islam	3		
LIA1002 Sistem Undang-Undang Malaysia	3	LIA1006 Tort II	3		
LIA1003 Tort I	3	LIA1007 Undang-Undang & Masyarakat	3		
LIA1004 Undang-Undang Kontrak I	3	LIA1008 Undang-Undang Keluarga	3		
GIG1013 Penghayatan Etika dan Peradaban	2	LIA1009 Undang-Undang Kontrak II	3		
GIG1004 Literasi Maklumat	2	GIG1012 Falsafah dan Isu Semasa	2		
		GIG1005 Jalinan Masyarakat	2		
Jumlah Kredit	---- 16	Jumlah Kredit	---- 19		

TAHUN 2

Semester 1		Semester 2		Semester 3	
LIA2001 Ekuiti dan Amanah I	3	LIA2006 Ekuiti dan Amanah II	3		
LIA2002 Moot	3	LIA2007 Undang-Undang Jenayah II	3		
LIA2003 Undang-Undang Jenayah I	3	LIA2008 Undang-Undang Perlembagaan II	3		
LIA2004 Undang-Undang Perlembagaan I	3	LIA2009 Undang-Undang Tanah II	3		
LIA2005 Undang-Undang Tanah I	3	LIA2010 English For Law	3		
KELF	3	GIG1003 Asas Pembudayaan Keusahawanan	2		
Ko-Kurikulum	2	Elektif Program	3		
Jumlah Kredit	----	Jumlah Kredit	----		
	20		20		

TAHUN 3

Semester 1		Semester 2		Semester 3	
LIA3001	3	LIA3002	3	LIA3003	3
Jurisprudens dan Teori Undang-Undang		Pengenalan Kepada Undang-Undang Antarabangsa Awam		Internship Undang-Undang	
Elektif Program	18	Elektif Program	18		
	----		----		----
Jumlah Kredit	21	Jumlah Kredit	21	Jumlah Kredit	3

TAHUN 4

Semester 1		Semester 2		Semester 3	
LIA4001 Advokasi Perbicaraan I	3	LIA4008 Advokasi Perbicaraan II	3		
LIA4002 Penderafan Undang-Undang I	3	LIA4009 Bankrupsi dan Penggulungan	3		
LIA4003 Pengurusan Firma Guaman	2	LIA4010 Conveyancing	2		
LIA4004 Penyelesaian Pertelingkahan Alternatif	3	LIA4011 Penderafan Undang-Undang II	3		
LIA4005 Prosedur Jenayah I	3	LIA4012 Prosedur Jenayah II	3		
LIA4006 Prosedur Sivil I	3	LIA4013 Prosedur Sivil II	3		
LIA4007 Undang-Undang Keterangan I	3	LIA4014 Undang-Undang Keterangan II	3		
Jumlah Kredit	20	Jumlah Kredit	20		

SENARAI KURSUS ELEKTIF PROGRAM

Bil	Kod Kursus/Subjek	Kredit
1.	LIA3004 Analisis Ekonomi Dalam Undang-Undang	3
2.	LIA3005 Bank & Suratcara Urusniaga	3
3.	LIA3006 Media & Kerajaan	3
4.	LIA3007 Pendidikan Undang-Undang Secara Klinikal	3
5.	LIA3008 Pengenalan Kepada Harta Intelek	3
6.	LIA3009 Pengenalan Kepada Undang-Undang Perubatan & Etika Perubatan	3
7.	LIA3010 Pengenalan Kepada Undang-Undang Perbankan & Kewangan Islam	3
8.	LIA3011 Perhubungan Perusahaan di Malaysia	3
9.	LIA3012 Pertelingkahan Undang-Undang	3
10.	LIA3013 Projek Ilmiah I	3
11.	LIA3014 Projek Ilmiah II	3
12.	LIA3015 Remedi	3
13.	LIA3016 Undang-Undang Alam Sekitar	3
14.	LIA3017 Undang-Undang Hak Asasi Manusia & Kemanusiaan Antarabangsa	3
15.	LIA3018 Undang-Undang Insurans	3
16.	LIA3019 Undang-Undang Jenayah Islam	3
17.	LIA3020 Undang-Undang Kanak-Kanak	3
18.	LIA3021 Undang-Undang Keluarga Islam	3
19.	LIA3022 Undang-Undang Keterangan Islam	3
20.	LIA3023 Undang-Undang Syarikat	3
21.	LIA3024 Undang-Undang Pekerjaan	3
22.	LIA3025 Undang-Undang Pentadbiran	3

23.	LIA3026 Undang-Undang Persaingan	3
24.	LIA3027 Undang-Undang Siber	3
25.	LIA3028 Urusniaga Tanah	3
26.	LIA3029 Urusan-Urusan Perdagangan	3
27.	LIA3030 Undang-Undang Sukan	3
28.	LIA3031 Aspek Undang-Undang Dalam Pendidikan	3
29.	LIA3032 Kesusasteraan dan Undang-Undang	3
30.	LIA3033 Undang-Undang Hakcipta Digital	3

Nota :

Penawaran kursus EP pada setiap semester adalah tertakluk kepada Penyelaras Kursus berkenaan.

RINGKASAN KURSUS

Sarjana Muda Undang-Undang

KURSUS WAJIB PROGRAM

A. Tahun 1

1. LIA1001 : Kaedah Undang-Undang

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	Dr. Najwa Rosli

Kursus mengandungi empat (4) komponen utama:

1. Pengenalan kepada undang-undang dan sumber-sumber undang-undang;
2. Pengenalan kepada penyelidikan undang-undang dan penulisan;
3. Menganalisa undang-undang kes dan mentafsirkan undang-undang statut;
4. Kemahiran belajar undang-undang.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Mengenali sumber-sumber undang-undang di dalam perundangan, laporan undang-undang dan penulisan-penulisan ilmiah;
2. Menggunakan doktrin stare decisis di England dan Wales dan di Malaysia;
3. Menghuraikan cara kes-kes diputuskan secara lisan dan catatan nota kes;
4. Menerangkan bagaimana statut-statut ditafsirkan bagi menyelesaikan pertikaian undang-undang dan pendekatan-pendekatan yang ada bagi penafsiran statut.

2. LIA1002 : Sistem Undang-Undang Malaysia

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Zulazhar Tahir

Kursus terbahagi dua: (1) Garis kasar sejarah undang-undang Malaysia; dan (2) sumber-sumber undang-undang Malaysia. Di dalam bahagian (1) tinjauan sejarah undang-undang menjangkau zaman sebelum dan selepas kedatangan Inggeris. Fokus bahagian ini tertumpu kepada penerimapaakaian undang-undang Inggeris. Di dalam bahagian (2) sumber-sumber undang-undang diperkenalkan menurut susunan keutamaan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan faktor-faktor sejarah dan perkembangan undang-undang yang berkaitan secara langsung dengan Sistem Undang-Undang di Malaysia pada hari ini.
2. Mengenalpasti sumber undang-undang Malaysia.
3. Menerangkan aplikasi sumber undang-undang tersebut.

3. LIA1003 : Tort I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Nadhratul Wardah Salman

Tort merupakan suatu kesalahan sivil terhadap seseorang atau sekumpulan individu. Undang-Undang Tort membolehkan mangsa tort mendapatkan remedi yang biasanya dalam bentuk pampasan kewangan daripada pelaku tort akibat daripada perbuatan atau ketinggalan yang diiktiraf sebagai tort. Kursus ini memfokus kepada tort berniat, fitnah, kacau ganggu dan tanggungan tegas.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep dan prinsip undang-undang tort terpilih
2. Membincangkan hujah-hujah dan perspektif undang-undang tort berdasarkan konteks sosial semasa
3. Menyelesaikan masalah-masalah tort dengan mengaplikasikan undang-undang yang relevan

4. LIA1004 : Undang-Undang Kontrak I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 50% Peperiksaan Akhir : 50%
Penyelaras	:	Dr. Izura Masdina Mohamed Zakri

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan prinsip-prinsip undang-undang kontrak di Malaysia kepada pelajar-pelajar supaya mereka boleh memahami peranan undang-undang kontrak dalam transaksi komersial. Kursus ini melibatkan kajian mengenai prinsip-prinsip am undang-undang kontrak di Malaysia di bawah Akta Kontrak 1950 dan kes-kes yang telah diputuskan. Ia memberi pemahaman mengenai komponen-komponen asas undang-undang kontrak, khususnya

pembentukan kontrak dan isi kandungan kontrak, dan cara bagaimana komponen-komponen asas ini terpakai dalam pembentukan perhubungan kontraktual. Ia juga memberi pemahaman mengenai kesan-kesan di sisi undang-undang yang timbul dari perhubungan-perhubungan kontraktual tersebut.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan komponen asas undang-undang kontrak yang diperlukan di dalam pembentukan kontrak dan isi kandungan kontrak;
2. Menghuraikan prinsip undang-undang untuk setiap komponen asas undang-undang kontrak yang diperlukan di dalam pembentukan kontrak dan isi kandungan kontrak;
3. Mengaplikasikan prinsip-prinsip kontrak yang relevan untuk menyelesaikan situasi-situasi fakta atau masalah yang diberi.

5. LIA1005 : Sistem Undang-Undang Islam

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Encik Abdul Muhsin Ahmad

Kursus ini membincangkan mengenai kedudukan Undang-Undang Islam dalam Islam sendiri, prinsip-prinsipnya, kaedah-kaedah umum, sumber-sumber dan sejarah perkembangannya. Juga mengenai perkembangan dan pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menghuraikan asas-asas dan sumber-sumber Undang-Undang Islam
2. Menghuraikan sejarah perkembangan Undang-Undang Islam
3. Menerangkan pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia

6. LIA1006 : Tort II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Faizah Nazri Abd Rahman

Sesuatu tort merupakan suatu kesalahan sivil terhadap seseorang atau sekumpulan individu. Undang-Undang Tort membolehkan mangsa tort mendapat remedi yang biasanya dalam bentuk pampasan kewangan daripada pelaku tort akibat sesuatu perbuatan atau peninggalan yang diiktiraf sebagai tort. Kursus ini memberi tumpuan kepada tort fitnah, kacauganggu dan tort-tort berniat.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep-konsep dan prinsip-prinsip tort-tort terpilih;
2. Menyelesaikan masalah-masalah tort dengan mengaplikasikan undang-undang yang relevan;
3. Menerangkan undang-undang tort berdasarkan konteks sosial sebenar

7. LIA1007 : Undang-Undang dan Masyarakat

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Dr. Muhammad Firdaus Abd Aziz

Kursus ini meninjau cara-cara bagaimana undang-undang membentuk masyarakat dan masyarakat membentuk undang-undang. Ia memulakan sebagai permulaan atas kepercayaan bahawa undang-undang tidak wujud dengan sendirinya, bebas daripada pengaruh-pengaruh orang, politik dan institusi sosial. Terdapat pelbagai bentuk undang-undang. Undang-undang diwujudkan dalam berbagai bentuk dan di pelbagai tempat: di jalanraya, pertukaran budaya dalam perlakuan individu, di televisyen. Kursus ini menekankan kepada masalah-masalah masyarakat terutama pada hubungkait di antara masyarakat dan undang-undang yang dikaji berlandaskan teori-teori sains sosial kerana undang-undang tidak berfungsi sendirian di dalam vakum malah undang-undang adalah "law in action in society".

Pendekatan kursus ini yang mengambil kira tahap kematangan pelajar undang-undang universiti di Malaysia berbeda dengan kursus undang-undang dan masyarakat di negara luar. Iaitu meneliti aspek-aspek teori sosial, sejarah dan politik yang berkaitan dengan wajah masyarakat negara kita dan tahap pembangunan kita sendiri. Walau demikian sebagai pelajar undang-undang, perlu mencabar diri untuk meningkatkan keintelektualan diri menggali dan mengupas hal ehwal semasa meneroka hubungkait teori-teori undang-undang dan masyarakat tersebut dengan masyarakat kita.

Selain penilaian individu dengan tugas membaca bahan-bahan rujukan dan petikan artikel berita, membincang mengupas di dalam perbincangan kelas, pelajar-pelajar secara berkumpulan akan menjalankan kajian topik dan kajian kes serta membentangkan dalam bentuk seminar 'work in progress' sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran berdikari. Pensyarah dan tutor adalah fasilitator kepada pengajian kursus ini.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan karekter menyerlah masyarakat moden, institusi-institusi, struktur dan amalan-amalan
2. Menghuraikan teori-teori sosial dari segi sejarah dan kontemporari yang mentafsirkan perkembangan undang-undang dalam masyarakat

3. Menerangkan cara-cara bagaimana pendekatan teori-teori ini boleh digunakan untuk meneroka sesuatu permasalahan sosio-undang-undang semasa
4. Menunjukkan kesedaran signifikan teori sosial kepada pemahaman undang-undang sebagai satu fenomena sosial.
5. Menggariskan dimensi-dimensi sosial, etika dan sejarah keesahan moden dan praktis perundangan moden.
6. Mengkaji potensi-potensi dan had-had aplikasi teoretikal apabila diambil kira dalam sesuatu permasalahan sosio-undang-undang dan/atau kajian kes.

8. LIA1008 : Undang-Undang Keluarga

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Sridevi Thambapillay

Kuliah pengenalan
Kuliah termasuk tajuk:

Undang-Undang domisil
Perjanjian untuk berkahwin
Perkahwinan
Pembubaran perkahwinan
Kesahatarafan dan pengangkatan
Penjagaan dan nafkah
Harta perkahwinan
Pembahagian harta dan perwarisan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menjelaskan konsep-konsep dan prinsip-prinsip undang-undang keluarga terpilih.
2. Mengaplikasikan undang-undang yang relevan untuk menyelesaikan permasalahan undang-undang keluarga.
3. Menganalisa kepentingan undang-undang yang sedia ada di dalam meningkatkan nilai kekeluargaan dalam masyarakat.

9. LIA1009 : Undang-Undang Kontrak II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 50% Peperiksaan Akhir : 50%
Penyelaras	:	Encik Ahmad Saufi Abdul Rahman

Kursus ini adalah lanjutan kepada Undang-Undang Kontrak I. Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar-pelajar peruntukan statutori dan prinsip *common law* berkenaan dengan konsep kontrak boleh batal dan situasi-situasi yang mewujudkan kontrak boleh batal, perjanjian batal dan situasi-situasi yang mewujudkan perjanjian batal, perjanjian penahanan tred, pelepasan kontrak dan remedi untuk pemecahan kontrak dengan memberi tumpuan kepada gantirugi. Kursus ini memberi pelajar-pelajar pemahaman mengenai cara bagaimana prinsip-prinsip ini diaplikasikan dalam perjanjian komersial di pasaran.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar akan dapat:

1. Menerangkan prinsip-prinsip undang-undang berkenaan kontrak boleh batal, perjanjian batal dan pelepasan kontrak
2. Menghuraikan jenis-jenis remedi yang sedia ada untuk pemecahan kontrak
3. Mengaplikasi prinsip-prinsip kontrak dalam topik-topik spesifik, dengan memberi penekanan kepada kontrak boleh batal, perjanjian batal dan pemecahan kontrak

B. Tahun 2

1. LIA2001 : Ekuiti dan Amanah I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Ramy Bulan

Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar kepada sejarah, asal-usul dan perkembangan ekuiti untuk memberi pengetahuan perihal sifat-sifat dan fungsinya. Peranan ekuiti ditunjukkan melalui maksim-maksim dan doktrin-doktrin ekuiti. Cara ekuiti melindungi hak dan pengendalian harta disisi undang-undang dan ekuiti, khususnya harta amanah, dibincangkan serta remedi-remedi yang diberi oleh ekuiti, yang tidak boleh didapati atau pun tidak memadai di bawah *common law*. Kursus ini juga membincangkan kaedah-kaedah yang terpakai dalam hal perwarisan dan pentadbiran harta pusaka dengan menyerapkan pemakaian prinsip-prinsip ekuiti.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan asal-usul, sejarah dan perkembangan ekuiti
2. Menerangkan konsep, prinsip dan kaedah asas ekuiti, dalam perlindungan dan pengendalian harta termasuk harta amanah
3. Menerangkan undang-undang dasar dan prinsip mengenai perwarisan dan pentadbiran pusaka
4. Memberi nasihat berkenaan permasalahan dalam perlindungan hak kepada harta, amanah dan perwarisan pusaka.

2. LIA2002 : Moot

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100%
		Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Encik Stewart Manley

Tujuan kursus Moot ini adalah untuk meningkatkan kemahiran advokasi pelajar secara bertulis dan lisan dalam konteks prosiding di mahkamah rayuan, dan juga untuk memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan penyelidikan undang-undang secara bebas yang mendalam. Pelajar mendapat wawasan bagaimana duluan undang-undang dikembangkan oleh mahkamah, kepentingan peranan pengamal undang-undang, bagaimana bidang undang-undang yang pelbagai melengkapi satu sama lain, dan kesan undang-undang ke atas individu dan masyarakat. Selepas dua minggu kuliah, pelajar akan mula melibatkan diri dalam praktikal moot semasa tutorial, dan kemudian membentuk dua orang sepasukan untuk menyediakan hujahan lisan dan bertulis bagi prosiding olok-olok. Masalah moot akan diberikan kepada pelajar. Setiap dua orang sepasukan akan mewakili samada pihak perayu atau responden.

Pada akhir kursus ini pelajar dapat;

1. Membina dan menyampaikan hujahan lisan dalam kes rayuan;
2. Mengaplikasikan undang-undang dan fakta bagi merangka hujahan bertulis;
3. Menyediakan memorial undang-undang bertulis dan ikatan otoriti.

3. LIA2003 : Undang-Undang Jenayah I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40%
		Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Ainee Adam

Kursus ini akan membincangkan prinsip-prinsip asas dalam penentuan liabiliti jenayah, penglibatan jenayah, cubaan dan juga pembelaan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan terma-terma spesifik dan konsep-konsep undang-undang jenayah
2. Mengaplikasi prinsip-prinsip perundangan kepada keadaan fakta jenayah hipotetikal
3. Menunjukkan keupayaan berfikir secara kritikal terhadap isu-isu undang-undang jenayah yang masih belum selesai

4. LIA2004 : Undang-Undang Perlembagaan I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Saw Tiong Guan

Kursus ini merangkumi Konstitusionalisme dan Perlembagaan sebagai undang-undang utama. Ini akan termasuk pengajian prinsip-prinsip umum Perlembagaan, sejarah Perlembagaan Malaysia, tafsiran Perlembagaan, pindaan Perlembagaan, institusi-institusi Yang Dipertuan Agong, Majlis Raja-raja, Badan Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan maksud keperlembagaan dan prinsip-prinsip umum keperlembagaan iaitu: Keutamaan Perlembagaan, Pengasingan Kuasa, Kedaulatan Undang-undang dan Konvensyen Perlembagaan.
2. Mengaplikasi Prinsip Keperlembagaan di dalam mentafsir Perlembagaan.
3. Menjelaskan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi institusi-institusi Kerajaan iaitu: Yang Dipertuan Agong, Badan Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman.

5. LIA2005 : Undang-Undang Tanah I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran berkomunikasi Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah Kemahiran kerja berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Sik Cheng Peng

Kursus ini mencakupi prinsip-prinsip dan konsep undang-undang tanah Malaysia seperti yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara 1965. Mengenai Sabah dan Sarawak, rujukan dibuat kepada Sarawak Land Code (Cap 81) dan Sabah Land Ordinance (Cap 68). Ini termasuklah isu pemakaian undang-undang tanah England dan pendaftaran hakmilik dan urusniaga tanah.

Topik-topik yang dibincang termasuk hak dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri, ciri-ciri dan skop pemunyaan tanah, jenis dan penggunaan tanah, pecah sempadan tanah dan pecah bahagi tanah, hak lalu lalang Pentadbir Tanah.

Kursus ini juga memberi pengenalan kepada pengambilan tanah secara paksa, undang-undang hakmilik strata dan undang-undang tanah simpanan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan sejarah dan struktur undang-undang tanah Malaysia serta pelbagai jenis hakmilik tanah; konsep-konsep asas berkenaan dengan tanah; dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan tanah
2. Mengapiliasi undang-undang yang relevan, konsep-konsep, doktrin-doktrin dan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan hal-hal tanah kepada isu/permasalahan undang-undang
3. Menerangkan keterpakaian prinsip ekuiti dalam hal-hal tanah di bawah Kanun Tanah Negara

6. LIA2006 : Ekuiti dan Amanah II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Datin Profesor Dr. Mary George

Kursus ini mengandungi:

Undang-Undang Ekuiti dan Amanah yang merangkumi asal usul amanah. Perbandingannya daripada perhubungan undang-undang yang selainnya. Keperluan serta cara dengan mana perhubungan amanah dibentuk serta jenis-jenis amanah. Perlantikan dan pemecatan pemegang amanah, pengurusan serta penyeliaan harta amanah untuk benefisiari. Tanggungjawab pemegang amanah, hak benefisiari, pecah amanah serta remedi benefisiari.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep, prinsip, kaedah asas dan utama ekuiti dan undang-undang amanah
2. Menerangkan bagaimana perhubungan amanah boleh terbentuk.
3. Memberikan nasihat guaman berkenaan permasalahan undang-undang dalam bidang ekuiti dan undang-undang amanah

7. LIA2007 : Undang-Undang Jenayah II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Zulazhar Tahir

Kursus ini adalah lanjutan daripada kursus Undang-undang Jenayah I dan memberi tumpuan kepada jenis-jenis kesalahan jenayah yang berkaitan dengan jenayah terhadap orang dan harta.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan kesalahan jenayah tertentu yang disentuh dalam kursus
2. Mengaplikasi undang-undang jenayah yang relevan kepada keadaan-keadaan fakta hipotetikal
3. Menunjukkan keupayaan berfikir secara kritikal terhadap isu-isu undang-undang jenayah yang masih belum selesai

8. LIA2008 : Undang-Undang Perlembagaan II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Saw Tiong Guan

Kursus ini merangkumi Konstitusionalisme dan Perlembagaan sebagai undang-undang utama. Ini akan merangkumi Kebebasan Asasi dan kuasa-kuasa khas dan darurat di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menerangkan prinsip-prinsip Kebebasan Asasi dibawah Perlembagaan Persekutuan.
2. Menasihatkan pihak yang tercabar oleh penafian hak dan kebebasan dibawah Perlembagaan Persekutuan mengenai hak-hak mereka.
3. Menerangkan pemakaian kuasa-kuasa khas dan darurat di bawah Perlembagaan Persekutuan.

9. LIA2009 : Undang-Undang Tanah II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran berkomunikasi Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah Etika dan moral profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Puan Noor Asyikeen Mohd Salleh

Kursus ini merangkumi:

1. Pelbagai jenis urusan tanah di bawah Kanun Tanah Negara
2. Sekatan terhadap urusan tanah
3. Kaedah menentukan keutamaan hak antara kepentingan-kepentingan bertentangan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan pelbagai jenis urusan tanah dan system sekatan terhadap urusan tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965;
2. Menerangkan keterpakaian prinsip-prinsip ekuiti dalam hal tanah di Malaysia dalam kontek transaksi jaminan berkaitan tanah dan keutamaan tuntutan hak kepada tanah
3. Mengaplikasi kaedah dalam menentukan keutamaan hak antara kepentingan-kepentingan bertentangan

10. LIA2010 : English For Law

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Kemahiran Berfikir Kritis dan Penyelesaian Masalah Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Encik Simon Alexander Wood

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan pelajar dalam komunikasi bagi membolehkan mereka berfungsi dengan jayanya dalam konteks profesion undang-undang. Pelajar akan menerima latihan dalam pelbagai situasi yang memerlukan mereka untuk mengaplikasi asas kemahiran Bahasa Inggeris profesional untuk membolehkan mereka menjadi pegawai undang-undang yang cekap. Aktiviti dalam sebutan dan kosa kata akan membantu merangsang keyakinan dan kemahiran pelajar dalam pembentangan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menyampaikan fakta dan bukti yang tepat beserta alasan-alasan
2. Mempertahankan hujah dan pandangan
3. Menjalankan temu bual dan perundingan undang-undang
4. Mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pengguna Bahasa Inggeris yang yakin dan berdikari dalam kedua-dua konteks sosial dan profesional.

Tahun 3**1. LIA3001 : Jurisprudens dan Teori Undang-Undang**

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Abdul Samad Abdul Ghani

Kursus ini memberikan pengenalan kepada teori undang-undang dan juga pengenalan asas kepada pengertian moral dan keadilan serta perkaitannya dengan undang-undang. Pendekatan yang diambil adalah gabungan teori-teori akademik dan aplikasi amali melalui rujukan kepada kes-kes dan perundangan di Malaysia.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menghuraikan teori-teori jurisprudens yang berkaitan;
2. Menganalisa pemakaian teori-teori jurisprudens yang berkaitan;
3. Mengaplikasi teori-teori jurisprudens yang berkaitan kepada permasalahan perundangan semasa;

2. LIA3002 : Pengenalan Kepada Undang-Undang Antarabangsa Awam

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 50% Peperiksaan Akhir : 50%
Penyelaras	:	Puan Nurhalida Mohamed Khalil

Objektif kursus ini adalah untuk memperkenalkan kepada pelajar-pelajar prinsip-prinsip am undang-undang antarabangsa awam. Kursus ini memberi pelajar pemahaman mengenai cara undang-undang antarabangsa diterima dan aplikasinya di dalam konteks semasa.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menghuraikan prinsip-prinsip am undang-undang antarabangsa;
2. Membincangkan undang-undang antarabangsa dalam konteks semasa; dan
3. Mengaplikasikan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa awam kepada situasi fakta dan/atau isu antarabangsa yang diberi.

3. LIA3003	:	Internship Undang-Undang
Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Kehadiran di semua kuliah / taklimat adalah diwajibkan sebagai persediaan program internship.
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis & Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan & Pengurusan Maklumat Etika & Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Encik Magesan R. Ayavoo

Semua pelajar diperlukan mengikuti 6 minggu internship undang-undang semasa tahun Tiga semester khas. Ini akan dijalankan berturutan di:

- Mahkamah seminggu
- Polis Diraja Malaysia keminggu
- Firma Guaman atau Jabatan Bantuan Guaman atau Unit Undang-Undang di agensi kerajaan atau sektor swasta selama 4 minggu.

Objektif internship iaitu pendekatan pembelajaran melalui pengalaman adalah seperti berikut:

- Untuk mendedahkan pelajar-pelajar kepada pelbagai aspek kerja perundangan harian di tempat internship mereka;
- Untuk mendedahkan pelajar-pelajar kepada pelbagai prosedur undang-undang daripada penyiasatan kepada perbicaraan mahkamah;
- Untuk membenarkan pelajar-pelajar untuk berinteraksi dan bekerja bersama ahli-ahli profesion perundangan dan perkhidmatan perundangan.

Untuk lulus kursus internship undang-undang

- Cari tempat untuk internship atau dapatkan bantuan dari fakulti. Berjumpa dengan hos penyelia dan persetujui jadual intership serta perancangan kerja.
- Serahkan jadual dan pelan kerja untuk disahkan oleh Fakulti menggunakan SPECTRUM.
- Selepas tamat internship hantar laporan refleksi-diri menyeluruh (laporan internship) yang menerangkan tentang tempat kerja, tugas anda, hasil-hasil dan analisis sejauhmana anda telah mencapai hasil-hasil pembelajaran. Nyatakan kemahiran-kemahiran baru, pengetahuan dan pengalaman-pengalaman yang anda perolehi (termasuk kemahiran am, seperti kerja berpasukan, hubungan dengan anak guaman, bekerja dengan database dll.) Penyelia di lokasi internship juga perlu memberikan penilaian beliau.

Hantarkan laporan internship report dan penilaian Penyelia ke Fakulti menggunakan SPECTRUM. Bentangkan laporan internship/viva (15minit) dan lulus viva tersebut.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Mengaplikasikan pengetahuan teori di dalam kerja praktikalnya;
2. Melaporkan secara kritikal masalah dan penyelesaian bagi setiap lokasi internship;
3. Menganalisa situasi-situasi dari perspektif undang-undang;

C. Tahun 4

1. LIA4001 : Advokasi Perbicaraan I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi (CS1, CS2, CS3) Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kepimpinan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Encik Magesan R. Ayavoo

Kursus ini menyediakan pelajar dengan kemahiran profesion undang-undang mengenai aspek penyelesaian tugas dan masalah, demi memberi perdedahan kepada mereka terhadap amalan dan kemahiran undang-undang melalui pengalaman para pengamal dan hakim-hakim. Kursus ini memberi penekanan kepada tentang perbezaan penting di antara undang-undang substantif dengan undang-undang seperti yang dipakai di mahkamah

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menunjukkan kefahaman mengenai kemahiran berkenaan dengan penyediaan dan pengendalian perbicaraan di mahkamah sivil dan jenayah;
2. Menyediakan prosiding interlokturi, termasuk permohonan ikat jamin;
3. Menjalankan pembicaraan kes; dan
4. Membentangkan pembicaraan rayuan.

2. LIA4002 : Penderafan Undang-Undang I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kerja Berpasukan Etika dan Profesional Moral Kemahiran Kepemimpinan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Puan Nur Husna Zakaria @ Kira

Kursus ini mengajar pelajar kemahiran asas merangka dokumen perundangan. Semua dokumen yang menjadi asas kerja seseorang peguam adalah dirangkumi.

Kursus ini memfokuskan kepada dokumen "non-contentious". Dokumen-dokumen ini adalah perjanjian-perjanjian yang dimasuki oleh pihak-pihak untuk manfaat mereka. Pelajar akan di beri langkah-langkah untuk merangka dokumen-dokumen ini. Beberapa perjanjian akan digunakan sebagai asas untuk mengajar kemahiran ini. Perjanjian-perjanjian ini adalah – jual beli barangan, penyewaan rumah, perkongsian dan jual beli tanah.

Kursus ini menekankan kemahiran bertulis dengan jelas, tepat dan 'concise' iaitu dalam bahasa yang jelas. Terdapat latihan-latihan yang akan membawa pelajar kepada beberapa aspek dalam merangka dokumen – mendapatkan fakta material, membuat persediaan untuk merangka, menggunakan precedents dan akhirnya merangka dokumen.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Mempamerkan kemahiran praktikal dalam merangka dokumen-dokumen perundangan termasuk kemahiran mendapatkan fakta material, persediaan untuk merangka, menggunakan precedents dan merangka dokumen.
2. Mengaplikasikan kemahiran tersebut untuk menghadapi situasi-situasi sebenar, dengan menunjukkan kemahiran berfikir secara kritis dan kebolehan bertindak secara sendiri dan kreatif dalam membuat keputusan dan pilihan apabila merangka dokumen.
3. Mencadangkan pindaan dan pembaikan kepada rupa dan ciri-ciri kemahiran tersebut.

3. LIA4003 : Pengurusan Firma Guaman

Kredit	:	2
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Kepimpinan Etika dan Moral Profesional Kemahiran Keusahawanan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Puan Aisyah Mohd Soberi

Kursus ini menerangkan bagaimana firma guaman beroperasi. Pelajar akan diajar bagaimana untuk menguruskan pelbagai aspek pentadbiran termasuk: penyediaan akaun dan dokumentasi, pemfailan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan risiko.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menjelaskan sistem pengurusan pejabat;
2. Mengenalpasti sistem pengurusan sumber manusia yang cekap;
3. Menyediakan bil dan dokumen pengekosan.

4. LIA4004 : Penyelesaian Pertelingkahan Alternatif

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Kemahiran bekerja dalam kumpulan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Datin Grace Manoranjitham Singh Xavier

Penyelesaian pertelingkahan alternatif menyemak alternatif-alternatif kepada tindakan litigasi dan menumpukan perhatian kepada teori dan amalan perundingan guaman, pengantaraan, trial mini, timbangtara, perkongsian dan penggunaan "ombudsman". Topik-topik yang diliputi akan memberi pelajar pemahaman tentang polisi dan proses-proses penyelesaian pertelingkahan alternatif. Pelajar mendapat wawasan tidak ternilai tentang bagaimana proses tersebut bekerja dan bila dan bagaimana proses itu boleh digunapakai. Pelajar juga akan belajar cara mengembangkan kaedah kreatif untuk menyelesaikan konflik dengan mengenalpasti kepentingan dan membentuk penyelesaian mendasari kepentingan-kepentingan yang terdapat disekitarnya. Oleh itu kursus ini boleh dikatakan mengembangkan pemahaman pelajar dalam cara menyelesaikan pertelingkahan dengan melihat kepentingan pihak-pihak dan tidak berdasarkan hak pihak-pihak dari segi undang-undang.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Mengembangkan pemahaman dalam bidang penyelesaian pertelingkahan alternatif.
2. Mengenalpasti kaedah penyelesaian pertelingkahan alternatif yang sesuai untuk penyelesaian pertelingkahan spesifik.
3. Menggunakan pengetahuan yang diperolehi untuk menyelesaikan pertelingkahan dalam kehidupan hari-hari

5. LIA4005 : Prosedur Jenayah I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis & Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika & Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	Dr. Nur Jaanah Abdullah

Kursus ini merangkumi bidangkuasa mahkamah jenayah dan isu-isu pra-perbicaraan di dalam pentadbiran keadilan jenayah.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep asas pentadbiran keadilan jenayah, bidangkuasa mahkamah, kuasa pendakwaan dan kuasa polis beserta hak orang yang ditangkap
2. Menerangkan prosedur pra-perbicaraan termasuk jaminan dan pertuduhan
3. Menggunapakai undang-undang yang relevan untuk menyelesaikan masalah perundangan yang berkaitan

6. LIA4006 : Prosedur Sivill

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Profesor Dr. Choong Yeow Choy

Peruntukan-peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah serta keputusan-keputusan mahkamah mengenai tajuk-tajuk yang dinyatakan dalam rangka kursus akan dikaji secara mendalam.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Membincang mengenai kepentingan perkara-perkara permulaan sebelum bermulanya suatu tindakan sivil;
2. Mengenalpasti peringkat-peringkat yang terlibat dalam prosedur sivil;
3. Memakai kaedah-kaedah mahkamah serta kes-kes yang relevan dalam perjalanan suatu tindakan sivil;
4. Menasihatkan pihak-pihak yang bertelingkah tentang hak-hak serta prosedur yang terlibat

7. LIA4007 : Undang-Undang Keterangan I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Profesor Madya Dr. Jal Zabdi Mohd Yusoff

Kursus ini berasaskan kepada Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dan membincangkan kaedah-kaedah berkenaan dengan pembuktian kes-kes dan kepentingan sokongan serta nilai keterangan yang dikemukakan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan kaedah pembuktian; beban dan standard pembuktian; kaedah sokongan dan kekuatan keterangan
2. Mengenalpasti keadaan-keadaan dimana kaedah-kaedah keterangan yang terpakai dalam satu perbicaraan
3. Mengaplikasi peruntukan-peruntukan di atas dalam perbicaraan mahkamah

8. LIA4008 : Advokasi Perbicaraan II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran komunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kepimpinan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Encik Magesan R. Ayavoo

Kursus ini menyediakan pelajar dengan kemahiran profesion undang- undang mengenai aspek penyelesaian tugas dan masalah, demi memberi perdedahan kepada mereka terhadap amalan dan kemahiran undang-undang melalui pengalaman para pengamal dan hakim-hakim. Kursus ini memberi penekanan kepada tentang perbezaan penting di antara undang-undang substantif dengan undang- undang seperti yang dipakai di mahkamah

Pada akhir kursus ini, pelajar- pelajar dapat:

1. Menunjukkan kefahaman mengenai kemahiran berkenaan dengan penyediaan dan pengendalian perbicaraan di mahkamah sivil dan jenayah;
2. Menyediakan prosiding interlokuturi, termasuk permohonan ikat jamin;
3. Menjalankan pembicaraan ke; dan
4. Membentangkan pembicaraan rayuan.

9. LIA4009 : Bankrupsi dan Penggulangan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	Profesor Madya Zuraida Rastam Shahrom

Kebankrapan dan Penggulangan merupakan dua mod penguatkuasaan penghakiman. Prosedur berkaitan termasuk: notis kebangkrapan, petisyen pemiutang, perintah pelikuidasi dan perintah penghukuman.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menyediakan dokumentasi untuk membankrapkan seseorang penghutang penghakiman;
2. Menyediakan dokumentasi untuk menggulungkan atau melikuidasi sesebuah syarikat;
3. Membela seseorang anak guam dalam prosiding bankrapsi/ pelikuidasi/ penggulangan

10. LIA4010 : Conveyancing

Kredit	:	2
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Puan Noor Asyikeen Mohd Salleh

Conveyancing adalah proses undang-undang bagi memindahkan hartanah di antara pihak-pihak berkenaan. Ia melibatkan: penyediaan dokumen perjanjian jual beli, dokumentasi sekuriti, pungutan bil serta mematuhi keperluan cukai di Malaysia.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menyediakan dokumen perjanjian jual beli;
2. Menyediakan dokumen pembiayaan perumahan;
3. Menyediakan bil dan mematuhi keperluan percukaian berkaitan amalan conveyancing di Malaysia.

11. LIA4011 : Penderafan Undang-Undang II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kerja Berpasukan Etika dan Profesional Moral Kemahiran Kepemimpinan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Puan Nur Husna Zakaria @ Kira

Kursus ini mengajar pelajar kemahiran asas merangka dokumen perundangan. Semua dokumen yang menjadi asas kerja seseorang peguam adalah di rangkumi.

Kursus ini memfokuskan kepada dokumen yang seorang peguam mesti membuat untuk litigasi. Ia bermula dengan pliding-pliding, permohonan-permohonan, affidavit dan surat sebelum tindakan. Dokumentasi yang di perlukan untuk membuat persediaan untuk perbicaraan juga termasuk.

Kursus ini menekankan kemahiran bertulis dengan jelas, tepat dan 'concise' iaitu dalam bahasa yang jelas. Terdapat latihan-latihan yang akan membawa pelajar kepada beberapa aspek dalam merangka dokumen – mendapatkan fakta material, membuat persediaan untuk merangka, menggunakan precedents dan akhirnya merangka dokumen.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat :

1. Mempamerkan kemahiran praktikal dalam merangka dokumen-dokumen perundangan termasuk kemahiran mendapatkan fakta material, persediaan untuk merangka, menggunakan precedent dan merangka dokumen.
2. Mengaplikasikan kemahiran tersebut untuk menghadapi situasi-situasi sebenar, dengan menunjukkan kemahiran berfikir secara kritis dan kebolehan bertindak secara sendiri dan kreatif dalam membuat keputusan dan pilihan apabila merangka dokumen.
3. Mencadangkan pindaan dan pembaikan kepada rupa dan ciri-ciri kemahiran tersebut.

12. LIA4012 : Prosedur Jenayah II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Nur Jaanah Abdullah

Kursus ini mencakupi prosedur perbicaraan, prinsip-prinsip penghukuman, dan prosedur rayuan/semakan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan prosedur perbicaraan, prinsip-prinsip penghukuman, dan prosedur rayuan/semakan.
2. Mengaplikasi undang-undang yang relevan terhadap permasalahan undang-undang yang berkaitan
3. Menganalisa undang-undang yang berkenaan dalam konteks semasa

13. LIA4013 : Prosedur Sivil II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Sujata Balan

Peruntukan-peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah serta keputusan-keputusan mahkamah mengenai tajuk-tajuk yang dinyatakan dalam rangka kursus akan dikaji secara mendalam.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Membincang mengenai kepentingan serta prinsip-prinsip prosedur mengenai permohonan-permohonan interlokutori;
2. Mengenalpasti peringkat-peringkat yang terlibat dalam prosedur sivil;
3. Memakai kaedah-kaedah mahkamah serta kes-kes yang relevan dalam perjalanan suatu tindakan sivil;
4. Menasihatkan pihak-pihak yang bertelingkah tentang hak-hak serta prosedur yang terlibat

14. LIA4014 : Undang-Undang Keterangan II

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Profesor Madya Dr. Jal Zabdi Mohd Yusoff

Kursus ini berasaskan Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dan membincangkan kaedah-kaedah kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan dalam membuktikan kes dalam perbicaraan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan Kerelevanan keterangan;Kebolehterimaan keterangan;dan Keterangan yang terlindung
2. Mengenalpasti keterangan relevan serta kebolehterimaan keterangan-keterangan
3. Mengaplikasi peruntukan-peruntukan di atas dalam perbicaraan

KURSUS-KURSUS ELEKTIF PROGRAM**1. LIA3004 : Analisis Ekonomi Dalam Undang-Undang**

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Profesor Dr. Tie Fatt Hee

Kursus ini mengkaji konsep dan isu-isu penting analisis ekonomi dalam undang-undang. Kursus ini menilai teori ekonomi dan perhubungannya dengan bidang undang-undang harta, undang-undang tort, undang-undang kontrak, dan undang-undang jenayah.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:-

1. Menerangkan konsep dan isu-isu penting yang berkaitan dengan analisis ekonomi dalam undang-undang.
2. Membincangkani teori-teori ekonomi dalam berbagai bidang undang-undang.
3. Menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan undang-undang dan ekonomi dengan mengaplikasikan undang-undang yang relevan.

2. LIA3005 : Bank dan Suratcara Urusniaga

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	-

Kursus ini mencakupi asas-asas undang-undang perbankan di Malaysia; aspek common law dan juga perundangan-perundangan berkaitan dengan perbankan dan kewangan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan struktur perundangan di sektor perbankan di Malaysia
2. Menerangkan prinsip-prinsip asas undang-undang perbankan
3. Menganalisa prinsip-prinsip, isu-isu dan permasalahan perbankan

3. LIA3006 : Media dan Kerajaan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritikal dan Pembelajaran Berterusan Kemahiran Kerja Berkumpulan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	Dr. Zalina Abdul Halim

Pengajian mengenai undang-undang media cetak dan elektronik dengan memperkenalkan pengawalseliaan sedia ada. Aspek yang dikaji ialah pelaksanaan hak kebebasan bersuara di Malaysia yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Pelajar-pelajar dikehendakki membuat pemerhatian kritikal mengenai perkembangan undang-undang mengawalselia media di dalam negara dengan membezakan dengan undang-undang, polisi-polisi dan kebebasan bersuara di negara-negara lain.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar akan dapat:

1. Menggariskan undang-undang media dan elektronik di Malaysia dan beberapa negara komanwel;
2. Menghuraikan pemakaian undang-undang media elektronik dan cetak di Malaysia;
3. Mengaplikasikan prinsip-prinsip undang-undang;
4. Menganalisa pelaksanaan undang-undang media di Malaysia;
5. Membandingkan hubungkait undang-undang media dan Kerajaan di Malaysia dan antarabangsa.

4. LIA3007 : Pendidikan Undang-Undang Secara Klinikal

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Ditawarkan kepada pelajar Tahun 3 sahaja
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Puan Aisyah Mohd Soberi

Pendidikan Undang-Undang Secara Klinikal adalah satu proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi fokus kepada pelajar, yang berlaku dalam konteks penjagaan pelanggan. Ia melibatkan terjemahan teori ke dalam pembangunan pengetahuan klinikal dan kemahiran praktikal, dengan penubuhan domain afektif diperlukan untuk perkhidmatan klien yang sensitif dan beretika. Kursus ini akan dijalankan pada siri ceramah, kehadiran klinik di bawah penyeliaan dan sesi penilaian.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menghayati kepentingan akses kepada keadilan dan konsep pro bono dan impak pro bono terhadap sistem undang-undang.
2. Mempamerkan tanggungjawab professional dengan pendedahan secara langsung dengan etika profesional perundangan.
3. Menunjukkan kemahiran professional dalam bidang perundangan seperti menemuduga klien, kaunseling klien, siasatan fakta, menderaf dokumen perundangan, kemahiran penyedilikan dan pengurusan pejabat.

5. LIA3008 : Pengenalan Kepada Harta Intelek

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Profesor Madya Dr. Tay Pek San

Kursus ini memperkenalkan sumber-sumber undang-undang harta intelek dan prinsip-prinsip am kategori-kategori utama dalam undang-undang harta intelek. Kategori-kategori tersebut adalah paten, hakcipta, cap dagangan, rekabentuk perindustrian dan maklumat sulit. Tujuan kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar memahami perkara-perkara asas dalam perlindungan harta intelek dan membolehkan mereka menyedari kesan-kesan harta intelek dalam dunia komersial dan bukan komersial.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan tentang perkembangan sistem harta intelek negara, kategori harta intelek dan konsep perlindungan harta intelek
2. Mengaplikasi undang-undang yang berkaitan kepada masalah perundangan harta intelek
3. Menganalisa prinsip-prinsip perundangan dalam kategori utama undang-undang harta intelek

6. LIA3009 : Pengenalan Kepada Undang-Undang Perubatan dan Etika Perubatan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Sharon Kaur Gurmukh Singh Dr. Muhammad Firdaus Abdul Aziz

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas prinsip, isu-isu dan masalah berhubung dengan undang-undang perubatan dan etika perubatan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat :

1. Mempamerkan pengetahuan asas mengenai undang-undang dan etika perubatan
2. Mengenalpasti permasalahan undang-undang dan etika dalam bidang perubatan
3. Berkomunikasi dengan berkesan secara lisan dalam mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu undang-undang dan etika perubatan

7. LIA3010 : Pengenalan Kepada Undang-Undang Perbankan dan Kewangan Islam

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis & Kemahiran Menyelesaikan Masalah
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Sherin Kunhibava

Kursus ini merupakan subjek elektif yang akan memperkenalkan pelajar kepada perbankan Islam dan undang-undang kewangan. Pelajar akan mempelajari tujuan dan skop syariah, sumber, dan penggunaannya untuk perbankan dan kewangan Islam. Pelajar juga akan diajar kesan perbankan dan kewangan Islam, keperluannya, struktur dan operasi dan perbezaan antara jenis-jenis transaksi-transaksi perbankan Islam. Kursus ini juga akan mengkaji fungsi dan keperluan pasaran kewangan Islam dan juga takaful. Akhir sekali isu-isu kontemporari dan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi perbankan dan kewangan Islam juga akan dikaji.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menjelaskan prinsip-prinsip Syariah yang digunakan untuk perbankan dan kewangan Islam.
2. Menjelaskan keperluan usniaga kewangan Islam berasingan di pasaran kewangan.
3. Analisa isu-isu semasa dalam perbankan Islam dan undang-undang kewangan.

8. LIA3011 : Perhubungan Perusahaan di Malaysia

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah Kemahiran berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	-

Kursus ini merangkumi:

- Kesatuan sekerja, pendaftaran dan fungsi
- Pengiktirafan kesatuan sekerja
- Perundingan kolektif, perjanjian kolektif
- Proses perundingan perdamaian
- Pertelingkahan tred dan tindakan perusahaan
- Penamatan dan pemecatan
- Mahkamah perusahaan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan terma dan konsep dalam undang-undang perhubungan perusahaan di Malaysia
2. Mengaplikasikan pemakaian prinsip-prinsip undang-undang yang relevan terhadap permasalahan/isu perundangan yang berkaitan
3. Mengkritik tentang isu-isu semas yang belum diputuskan

9. LIA3012 : Pertelingkahan Undang-Undang

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	-

Kursus ini membincangkan tentang peraturan-peraturan pertelingkahan undang-undang bagi bidangkuasa, domisil, perkahwinan, tort, kontrak, penguatkuasaan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat :

1. Menerangkan peraturan-peraturan Pertelingkahan Undang-Undang
2. Mengaplikasikan peraturan-peraturan berkenaan kepada permasalahan perundangan berkaitan; dan
3. Menganalisa Pertelingkahan Undang-Undang di Malaysia

10. LIA3013 : Projek Ilmiah I

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 100% Peperiksaan Akhir : -
Penyelaras	:	Encik Stewart Manley

Kursus ini bertujuan memberikan pengetahuan asas berkaitan dengan teori dan amali dalam kaedah-kaedah penyelidikan perundangan. Tumpuan diberikan kepada metodologi penyelidikan doktrinal dan juga sosio-perundangan (sosio legal). Pelajar akan dilatih untuk merekabentuk dan merancang penyelidikan bagi tujuan penyediaan cadangan penyelidikan untuk projek ilmiah. Pada penghujung kursus pelajar akan dapat menyediakan kertas cadangan tersebut dan mengenalpasti penyelia yang bersesuaian. Kemahiran yang diperolehi adalah sebahagian daripada pembelajaran sepanjang hayat.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menenalpasti isu-isu perundangan untuk tujuan penyelidikan.
2. Menghuraikan teori-teori berkaitan dengan kaedah penyelidikan perundangan
3. Mengaplikasi kaedah penyelidikan perundangan
4. Menyediakan cadangan penyelidikan.

11. LIA3014 : Projek Ilmiah II

Kredit : 3

Prasyarat Kursus : Lulus LIA3013 Projek Ilmiah I dengan gred B
Tajuk muktamad serta Kertas Cadangan yang terperinci mengikut keperluan(dengan rujukan)bersama indeks Bab-Bab.

Nota penting : Kezinaan bertulis penyelia projek ilmiah1 untuk penyeliaan selanjutnya (notifikasi melalui email diterima) di berikan selewatnya kepada pejabat fakulti undang- undang dalam masa 2 minggu selepas keputusan rasmi dikeluarkan.

Bahasa Pengantar : Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah: Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Etika dan Moral Profesional

Kaedah Penilaian : Penilaian Berterusan : 100%
Peperiksaan Akhir : -

Penyelaras : Encik Stewart Manley

Kursus ini memerlukan pelajar memilih isu-isu untuk kajian, melaksanakan penyelidikan dan menulis kertas projek sepanjang 15,000 perkataan di bawah penyeliaan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Mengaplikasi prinsip-prinsip undang-undang yang relevan kepada isu-isu perundangan di dalam tajuk yang dipilih;
2. Menganalisa isu-isu perundangan yang timbul dari kajian
3. Mencadangkan cara-cara penambahbaikan

12. LIA3015 : Remedi

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	-

Kursus ini akan membincangkan remedi-remedi dalam tiga (3) bidang berikut:

1. Remedi untuk Pemecahan Kontrak
2. Remedi Restitusi; dan
3. Remedi Tort (gantirugi bagi Kecederaan Peribadi dan Kemalangan yang membawa maut)

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep-konsep dan prinsip-prinsip asas mengenai remedi termasuk fungsi-fungsi remedi iaitu pampasan, relif spesifik, pencegahan dan restitusi
2. Menjelaskan prinsip-prinsip yang terpakai kepada remedi-remedi yang berlainan di dalam tiga bidang, iaitu kontrak, restitusi dan tort (gantirugi bagi kecederaan peribadi dan kemalangan yang membawa maut); dan
3. Mengenal pasti remedi yang berkaitan bagi keadaan-keadaan fakta yang berbeza dan menggunakan prinsip-prinsip remedi untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan dan memberikan nasihat perundangan

13. LIA3016 : Undang-Undang Alam Sekitar

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	-

Kursus ini merangkumi undang-undang alam sekitar dan cabaran-cabarannya, di Malaysia.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Membincangkan masalah-masalah alam sekitar di Malaysia.
2. Menganalisa undang-undang alam sekitar yang sedia ada dan yang berkaitan dengan masalah-masalah tersebut.
3. Mengaplikasikan undang-undang dan prinsip-prinsip yang relevan untuk menyelesaikan masalah alam sekitar.

14. LIA3017 : Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan Antarabangsa

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Puan Nurhalida Mohamed Khalil

Kursus merangkumi aspek-aspek yang berikut : sejarah evolusi, jurisprudens, konsep-konsep, prinsip-prinsip, norma-norma & implementasi norma-norma

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat :

1. Mengenal struktur undang-undang hak asasi manusia & kemanusiaan antarabangsa
2. Menerangkan prinsip-prinsip asas undang-undang hak asasi manusia & kemanusiaan antarabangsa
3. Mengenalpasti isu-isu undang-undang berdasarkan kes-kes kajian terpilih yang berhubung dengan undang-undang hak asasi manusia & kemanusiaan antarabangsa
4. Membuat analisis secara kritikal, konklusi-konklusi & syor-syor mengenai prinsip-prinsip undang-undang & memberi penyelesaian kepada isu-isu undang-undang yang relevan

15. LIA3018 : Undang-Undang Insurans

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Lulus Undang-Undang Kontrak
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah Kemahiran Kerja berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	Dr. Nur Jaanah Abdullah

Kursus ini merangkumi prinsip-prinsip utama undang-undang insurans seperti kepentingan boleh insurans, *ubberimae fidei*, indemniti, agensi, kewajipan pendedahan, salahnyataan dan tuntutan insurans.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menghuraikan prinsip-prinsip utama undang-undang insurans
2. Mengenalpasti dan menghuraikan kes-kes yang relevan dan peruntukan undang-undang yang terpakai
3. Mengaplikasi undang-undang yang relevan ke atas masalah perundangan yang berkaitan dengan insurans

16. LIA3019 : Undang-Undang Jenayah Islam

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis & Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Encik Abdul Muhsin Ahmad

Kursus ini meliputi definisi jenayah, ciri-cirinya, fungsi undang-undang jenayah ini dan juga sumber kepada undang-undang ini. Perbincangan akan tertumpu kepada jenayah-jenayah hudud, qisas dan ta'zir

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar akan dapat:

1. Menerangkan falsafah Undang-Undang Jenayah Islam mengenai hukuman, pencegahan dan pemulihan
2. Membezakan antara hudud, qisas dan ta'zir dari sudut peruntukan dan bentuk-bentuk hukuman
3. Menilai aplikasi undang-undang ini di Mahkamah Syariah Malaysia

17. LIA3020 : Undang-Undang Kanak-Kanak

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Farah Nini Dusuki

Kursus ini merupakan satu kursus elektif yang bertujuan untuk memperkenalkan pelajar-pelajar kepada pelbagai aspek perundangan yang melibatkan kanak-kanak di Malaysia. Kursus ini mengandungi pembelajaran mengenai isu-isu penting berkaitan kanak-kanak di Malaysia dan aspek sosio-perundangan yang berkenaan. Isu-isu ini akan dikaji menurut empat bahagian yang berasingan di dalam kursus. Lebih penting lagi kursus ini memperuntukkan pemahaman mengenai hak-hak penting kanak-kanak di dalam lingkungan empat teras utama Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak-Hak Kanak-Kanak, di mana Malaysia merupakan Negara Pihak : prinsip tiada diskriminasi, prinsip kepentingan terbaik bagi kanak-kanak, hak untuk kelangsungan hidup, perkembangan dan perlindungan dan hak penyertaan. Suatu penilaian perbandingan dengan prinsip-prinsip undang-undang Islam akan diterapkan di dalam perbincangan isu-isu berkaitan seperti tanggungjawab jenayah dan perlindungan kanak-kanak daripada kemudaratan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Mengenalpasti hak-hak asas kanak-kanak di dalam lingkungan empat prinsip-prinsip teras Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak-Hak Kanak-Kanak
2. Menganalisa isu-su perundangan yang terpilih berkaitan dengan kanak-kanak
3. Menerangkan peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip perundangan mengenai isu-isu berkaitan kanak-kanak
4. Menilai peranan-peranan yang berbeza yang dimainkan oleh agensi-agensi pelbagai bidang di dalam perlindungan kanak-kanak
5. Memberi suatu penilaian perbandingan di antara undang-undang sivil dan undang-undang Islam di dalam isu-isu perundangan terpilih yang melibatkan kanak-kanak.

18. LIA3021 : Undang-Undang Keluarga Islam

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Encik Abdul Muhsin Ahmad

Kursus ini membincangkan mengenai latar belakang perkembangan Undang-Undang Keluarga Islam, pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam kini dan mengkaji kes-kes berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam yang diputuskan di Malaysia.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menghuraikan Undang-Undang Keluarga Islam
2. Menghuraikan pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia
3. Menerangkan kes-kes Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia

19. LIA3022 : Undang-Undang Keterangan Islam

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Profesor Madya Dr. Md. Khalil Ruslan

Kursus meliputi konsep-konsep asas keterangan yang menjadi teras kepada undang-undang keterangan Islam seperti syahadah dan baiyinah, persamaan dan perbedaannya serta tahap-tahap keterangan tersebut diterima didalam mahkamah. Kursus juga melihat kaedah-kaedah keterangan yang lain seperti iqrar (pengakuan), yamin (sumpah), qarinah (relevansi), ilmu al-Qadi (pengetahuan khas kadhi), ra'yu al-khabir (pendapat pakar) dan lain-lain. Beberapa kaedah fiqh yang

berkaitan dengan keterangan juga akan dipelajari

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan kaedah-kaedah keterangan utama didalam undang-undang keterangan Islam seperti syahadah, baiyinah, iqrar, yamin, qarinah, ilmu al-Qadi dan pendapat pakar
2. Membezakan tahap beban pembuktian antara kes-kes jenayah dan mal serta dapat juga membezakan kebolehterimaan pemakaian kaedah-kaedah keterangan bagi kes-kes hudud, qisas dan kes-kes mal
3. Menganalisa pemakaian kaedah-kaedah keterangan yang digunapakai di Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia dalam kes-kes jenayah dan mal

20. LIA3023 : Undang-Undang Syarikat

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Sujata Balan Profesor Madya (Industri) Zuraida Rastam Shahrom

Peruntukan-peruntukan dalam akta-akta seperti Akta Syarikat 2016 serta keputusan-keputusan mahkamah mengenai tajuk-tajuk yang dinyatakan dalam rangka kursus akan dikaji secara mendalam

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menganalisa konsep-konsep dan prinsip-prinsip Undang-Undang Syarikat
2. Mengaplikasi konsep-konsep dan prinsip-prinsip berkaitan untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan Undang-Undang Syarikat.
3. Mencadangkan penambahbaikan terhadap undang-undang berkenaan.

21. LIA3024 : Undang-Undang Pekerjaan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran berkomunikasi Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah Etika dan Moral Profesional
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Abdul Samad Abdul Ghani

Kursus ini merangkumi:

- Perlindungan terma dan syarat kontrak pekerjaan;
- Jenis-jenis penamatan
- Keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- Pampasan; gangguan seksual di tempat kerja

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan terma dan konsep dalam undang-undang pekerjaan;
2. Mengaplikasikan pemakaian prinsip-prinsip undang-undang yang relevan terhadap permasalahan/isu perundangan yang berkaitan;
3. Mengkritik tentang isu-isu semasa yang belum diputuskan

22. LIA3025 : Undang-Undang Pentadbiran

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Sridevi Thambapillay Dr. Saw Tiong Guan

Kursus ini, pada tahap teori, membincangkan topik-topik seperti definisi undang-undang pentadbiran, kedaulatan undang-undang, pengasingan kuasa, kawalan ke atas perundangan kecil oleh pihak Eksekutif dan penyemakan kehakiman ke atas tindakan pentadbiran. Penekanan akan dibuat ke atas penyemakan kehakiman termasuk kuasa-kuasa di bawah Perenggan 1 Akta Kehakiman Mahkamah 1964. Pengajaran tentang perundangan kecil adalah secara minima. Pada tahap praktikal, pelajar-pelajar dikehendaki menganalisa masalah-masalah yang timbul setiap hari dan mengaplikasikan kaedah-kaedah mengenai penyemakan kehakiman bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan bagaimana kuasa-kuasa budi bicara dikawal.
2. Mengaplikasikan undang-undang pentadbiran kepada masalah-masalah praktikal.
3. Menganalisa pelaksanaan penyemakan kehakiman di dalam system perundangan kita.

23. LIA3026 : Undang-Undang Persaingan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Lulus LIA1004 Undang-Undang Kontrak I dan LIA1009 Undang-Undang Kontrak II
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Puan Nur Husna Zakaria @ Kira

Kursus ini merupakan Undang-undang Persaingan pertama yang ditawarkan selepas kelulusan Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010. Ia akan membolehkan pelajar-pelajar memahami rasional dan polisi mendasari undang-

undang persaingan, prinsip undang-undang mendasari pengertian perjanjian anti-persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Pelajar-pelajar juga akan belajar bagaimana undang-undang persaingan mempengaruhi pesaing-pesaing membuat keputusan dalam perniagaan seharian. Pelajar-pelajar juga akan terdedah kepada aspek penguatkuasaan undang-undang, termasuk Suruhanjaya Persaingan dan Tribunal Rayuan Persaingan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan prinsip undang-undang untuk setiap komponen asas undang-undang persaingan
2. Mengaplikasi prinsip-prinsip undang-undang persaingan yang relevan untuk menyelesaikan situasi-situasi fakta yang diberi dalam setiap komponen-komponen asas undang-undang persaingan
3. Menganalisa prinsip-prinsip undang-undang persaingan dalam topic-topik spesifik, dengan member penekanan kepada analysis ekonomi, perjanjian anti-persaingan, penyalahgunaan kedudukan dominan

24. LIA3027 : Undang-Undang Siber

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	Dr. Izura Masdina Mohamed Zakri

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar kepada kesalahan-kesalahan jenayah dan sivil yang boleh berlaku di alam maya. Kursus ini bertujuan untuk memberi pelajar-pelajar kesedaran yang koheren mengenai cara bagaimana kesalahan boleh timbul di alam maya serta masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Ia juga melibatkan pengajian mengenai undang-undang di Malaysia yang boleh dipakai untuk situasi-situasi tersebut

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Mengenalpasti kesalahan-kesalahan jenayah serta sivil yang boleh berlaku di alam maya serta mengenalpasti undang-undang yang boleh dipakai;
2. Membincangkan undang-undang yang boleh dipakai untuk kesalahan yang berlaku di alam maya;
3. Mengaplikasikan undang-undang yang relevan untuk menyelesaikan situasi-situasi fakta yang diberi.

25. LIA3028 : Urusniaga Tanah

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Lulus Undang-Undang Kontrak
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Datin Grace Manoranjitham Singh Xavier

Kursus ini akan mengkaji transaksi jual-beli tanah mulai dari peringkat pra-kontrak sehingga pendaftaran. Kaedah-kaedah yang menguasai pemaju rumah turut akan dibincangkan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Memahami struktur undang-undang yang mengawal transaksi jual beli hartanah di Malaysia;
2. Menerangkan hak-hak seorang pembeli rumah yang Membeli rumah dari pemaju rumah
3. Menilai secara kritikal kes-kes mahkamah berkaitan dengan hal-hal urusniaga tanah;
4. Mengaplikasikan pengetahuan untuk membentuk nasihat guaman berkenaan isu-isu tanah.

26. LIA3029 : Urusan-Urusan Perdagangan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Pemikiran Kritis dan kemahiran Menyelesaikan masalah
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Encik Ahmad Saufi Abdul Rahman

Undang-undang penjualan barangan adalah satu urusan perdagangan yang penting pada masa ini. Tujuan kursus ini adalah untuk mengkaji secara mendalam penjualan barangan sebagai suatu urusan perdagangan.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep dan prinsip undang-undang penjualan barang di Malaysia
2. Membincangkan hujah-hujah dan perspektif undang-undang penjualan barang di Malaysia
3. Menyelesaikan masalah-masalah penjualan barang dengan mengaplikasikan undang-undang yang relevan

27. LIA3030 : Undang-Undang Sukan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Etika dan Moral Profesional Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Nadhratul Wardah Salman

Kursus ini mengkaji perkembangan dan campurtangan undang-undang sebagai forum untuk penyelesaian pertikaian dalam sukan. Ia melibatkan penelitian pelbagai bidang undang-undang dan mengaplikasikannya di dalam konteks sukan dan rekreasi. Tiga topik utama yang akan dibincangkan merangkumi: dasar & tadbir urus sukan, aspek keganasan & keselamatan dalam sukan dan penggunaan dadah dalam sukan

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Meneliti peranan undang-undang dan kaitannya dengan sukan;
2. Menganalisa isu-isu undang-undang yang biasanya timbul di dalam sukan;
3. Memilih strategi yang bersesuaian dengan isu undang-undang dalam sukan.

28. LIA3031 : Aspek Undang-Undang Dalam Pendidikan

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 40% Peperiksaan Akhir : 60%
Penyelaras	:	Dr. Usharani Balasingam

Kursus ini akan meneliti undang-undang khusus tertentu berkenaan pendidikan di Malaysia. Undang-Undang dari perspektif kontrak, tort, pekerjaan, tanggungjawab fiduciari serta hak perlembagaan yang membawa kesan kepada pelajar, pendidik dan institusi pendidikan juga akan dikaji.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menerangkan sumber perundangan Malaysia dan perkaitannya dengan system pendidikan Malaysia.
2. Menerangkan keperluan bidang undang-undang tertentu yang memberi kesan kepada alam pendidikan.
3. Mengaplikasikan undang-undang tertentu dalam konteks pendidikan.

29. LIA3032 : Kesusasteraan dan Undang-Undang

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Kemahiran Berfikir Kritis dan Penyelesaian Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	-

Program baru ini yang mengaitkan disiplin sastera dan undang-undang dapat menyediakan pelajar dengan pemahaman yang menyeluruh tentang Kesusasteraan Bahasa Inggeris, serta melengkapkan mereka dengan pengetahuan sejarah, teori dan amalan undang-undang, terutamanya aspek undang-undang dalam kesusasteraan. Melalui kursus ini, pelajar akan memperolehi kemahiran teknikal akan ciri-ciri undang-undang yang wujud di dalam pelbagai genre sastera dan juga memupuk kemahiran untuk mengkaji isu-isu seperti penapisan, hak asasi manusia, hak mengundi dan etika. Dalam modul ini, pelajar akan mengkaji beberapa cara di mana membaca, melihat dan mendengar bahan-bahan sastera dapat meningkatkan pemikiran kritis tentang isu-isu undang-undang.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menunjukkan pemahaman yang mendalam tentang signifikasi kesusasteraan dan teori kesusasteraan dalam pembelajaran undang-undang.
2. Menunjukkan pemahaman yang kritikal terhadap cara-cara analisis sastera dapat mendalami pemahaman teks yang berkaitan dengan isu-isu undang-undang.
3. Mengenal pasti dan menilai secara kritikal idea-idea utama dalam kesusasteraan yang berkaitan dengan tema-tema kontemporari dan isu-isu yang terdapat dalam undang-undang.

30. LIA30323 : Undang-Undang Hak Cipta Digital

Kredit	:	3
Prasyarat Kursus	:	Tiada
Bahasa Pengantar	:	Bahasa Inggeris
Kemahiran Insaniah:		Kemahiran Berkomunikasi Kemahiran Berfikir Kritis dan Penyelesaian Masalah Kemahiran Kerja Berpasukan
Kaedah Penilaian	:	Penilaian Berterusan : 60% Peperiksaan Akhir : 40%
Penyelaras	:	Dr. Sik Cheng Peng

Kursus ini memperkenalkan pelajar-pelajar kepada isu-isu hakcipta yang timbul dalam dunia digital. Kursus ini bermatlamat untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar tentang pemakaian undang-undang hakcipta dalam dunia digital dan membolehkan mereka menyedari kesan-kesan undang-undang berkenaan ke atas pihak-pihak berkepentingan di dalam dunia digital.

Pada akhir kursus ini, pelajar-pelajar dapat:

1. Menjelaskan undang-undang terpakai ke atas isu-isu hakcipta yang timbul dalam dunia digital
2. Mengaplikasikan undang-undang yang berkaitan kepada isu-isu yang timbul dalam dunia digital
3. Menganalisa kesesuaian dan keterpakaian prinsip-prinsip perundangan hakcipta dalam dunia digital

PROGRAM IJAZAH TINGGI

Program Ijazah Tinggi yang ditawarkan oleh Fakulti Undang-Undang ialah :

1. Sarjana Undang-Undang (LQA)
2. Sarjana Undang-Undang Komersial (LQB)
3. Sarjana Pengadilan Jenayah (LQC)
4. Sarjana Pengajian Undang-Undang (LMA)
5. Doktor Falsafah (PhD)

PROGRAM SARJANA MUDA JURISPRUDENS (B.JURIS)

Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya juga menawarkan program Sarjana Muda Jurisprudens. Dahulunya, program ini dikenali sebagai Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) dan mula diperkenalkan pada sesi 1996/1997. Calon-calon yang berjaya akan dianugerahkan Sarjana Muda Jurisprudens. Kelulusan ini boleh disingkatkan kepada B.Juris.

Ijazah B.Juris adalah suatu ijazah akademik dan tidak termasuk pengajian amali. Pemegang ijazah ini yang ingin memasuki profesion undang-undang hendaklah memenuhi keperluan tambahan yang akan dikenakan oleh Lembaga Kelayakan yang bertindak di bawah kuasanya di bawah Akta Profesyen Undang-Undang 1976.

Maklumat lanjut mengenai program ini boleh diperolehi daripada :

Penyelaras
Program Sarjana Muda Jurisprudens
Fakulti Undang-Undang
Bangunan Sultan Azlan Shah
50603 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-7967 6504/6505
Emel : juris_eksternal@um.edu.my

RANCANGAN PENDIDIKAN UNDANG-UNDANG LANJUTAN (LEEP)

Rancangan Pendidikan Undang-Undang Lanjutan (LEEP) telah bermula di Fakulti Undang-Undang pada tahun 1993 untuk merangka satu siri kursus-kursus pendek dalam bidang tertentu undang-undang. Ia berasaskan kepada hakikat bahawa peranan Fakulti Undang-Undang harus diperkembangkan dan tidak semata-mata menghadkan matlamatnya kepada keperluan di peringkat Sarjana sahaja.

Oleh kerana undang-undang adalah satu bidang yang dinamik, seseorang pengamal undang-undang 'para-legal' atau mereka yang berminat perlu sentiasa didedahkan kepada perkembangan mutakhir undang-undang.

PUSAT PENGAJIAN REGULASI MALAYSIA UNIVERSITI MALAYA (UMCoRS)

Pusat Pengajian Regulasi Malaysia Universiti Malaya (UMCoRS) telah ditubuhkan pada 21 April 2008. Matlamat pusat kecemerlangan ini adalah untuk memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembelajaran dalam berbilang disiplin yang saling bersilang antara undang-undang, perniagaan dan ekonomi yang berkait dengan persaingan, inovasi dan pertumbuhan. UMCoRS juga bermatlamat untuk memenuhi permintaan ilmu pengetahuan di dalam bidang pengajian regulasi dan ini dicapai melalui bengkel pembangunan dan pembinaan kapasiti, seminar dan persidangan serta penyelidikan dan khidmat nasihat.

UMCoRS turut meneroka bidang regulasi melalui pelbagai pendekatan antaranya dengan menghubungkan ketelitian akademik dengan pandangan praktikal. Secara asasnya, tumpuan strategik UMCoRS adalah untuk membantu penggubal polisi dan pihak pengurusan industri meningkatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap isu-isu utama regulasi beserta implikasinya, pembangunan maklumbalas dan penyelesaian strategik.

Selaras dengan objektif penubuhan UMCoRS, Khazanah Nasional Berhad telah menyumbang suatu dana untuk menubuhkan penyandang kursi Khazanah Nasional Berhad yang berprestij. Objektif utama penubuhan kursi ini adalah untuk mempertingkatkan kecemerlangan akademik di dalam bidang pengajian regulasi di Universiti Malaya dan di dalam komuniti akademik tempatan secara amnya.

Alamat : Pusat Pengajian Regulasi Malaysia Universiti Malaya (UMCoRS)
Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.
Tel : 03-7967 6579/6580 Fax: 03-7967 6573
Email : umcors.events@um.edu.my
Website : www.umcors.um.edu.my
Facebook : www.facebook.com/UMCoRS

CENTRE FOR LAW AND ETHICS IN SCIENCE AND TECHNOLOGY (CELEST)

Centre For Law and Ethics In Science and Technology (CELEST) adalah penjenamaan semula kepada Centre of Excellence in Biodiversity Law (CEBLAW). Kespesatan sains, teknologi dan inovasi dan peningkatan aktiviti pengkomersilan dan industri maju di negara ini memerlukan sokongan dari aspek perundangan yang kukuh dengan mengambilkira kepada keperluan berikut;

- ❖ Mematuhi tuntutan prosedur/piawaian antarabangsa, peningkatan isu perundangan dan polisi yang berkaitan dengan pembangunan teknologi baru, tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*), alam sekitar keselamatan (*security and safety*) dan kelestarian (*sustainability*).
- ❖ Penasihat dan sumber pakar perundangan kepada kerajaan dalam hal berkaitan pembentukan dan pelaksanaan regulasi dan tadbir urus dan industri berkaitan sains, teknologi dan inovasi.
- ❖ Sokongan perundangan kepada pihak industri dan organisasi komersil seperti hal berkaitan pematuhan regulasi (*regulatory compliance*), tanggungjawab kontrak dan penyelesaian pertelingkahan (*dispute resolution*) dan sebagainya.

CELEST akan dapat menggabungkan tenaga penyelidik dari pelbagai bidang perundangan termasuk sains dan teknologi.

Objektif dan aktiviti CELEST adalah seperti berikut;

1. Menyokong aktiviti perundangan negara dengan berasaskan kepada penyelidikan.
2. Meningkatkan penyelidikan rentas disiplin (*intra and inter-disciplinary*) berasaskan kepakaran perundangan.
3. Mengukuhkan jaringan dan kolaborasi dengan pelbagai pusat organisasi dan institusi penyelidikan yang berkaitan.
4. Menyediakan dan membina kepakaran yang berkaitan.
5. Menjadi sumber maklumat dan rujukan kepada negara dan rantau ini dalam perkara-perkara yang berkaitan.
6. Menjadi pusat jaringan kepakaran serantau.
7. Menaikkan taraf dan imej Universiti Malaya.

CENTRE FOR LEGAL PLURALISM AND INDIGENOUS LAW

Pusat ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk;

1. Memberi fokus dan menggalakkan penyelidikan dan penerbitan mengenai isu-isu orang asal, undang-undang dan adat orang asal, mekanisma penyelesaian pertikaian yang digunakan oleh orang-orang asal dan pengetahuan perlindungan.
2. Menganjurkan seminar, bengkel dan persidangan untuk membincangkan mengenai undang-undang dan isu berkaitan dengan masyarakat orang asal dan meningkatkan kesedaran mengenai hak mereka dibawah undang-undang.
3. Bekerjasama dengan profesion undang-undang, Mahkamah Anak Negeri dan institusi lain, agensi dan masyarakat pribumi untuk membincangkan mengenai orang asal.

KLINIK BANTUAN GUAMAN UNIVERSITI MALAYA (KBGUM)

Pengenalan

Klinik bantuan guaman adalah salah satu cara pembelajaran melalui pengalaman yang telah diadaptasikan oleh Fakulti Undang-Undang di serata dunia. Klinik Bantuan Guaman di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (KBGUM) ditubuhkan pada 3 Julai 2014 dan mula beroperasi pada bulan Mac 2016. Klinik Bantuan Guaman ditubuhkan untuk membolehkan para pelajar Sarjana Muda Undang-Undang di Universiti Malaya mendapatkan pengalaman praktikal perundangan disamping menawarkan perkhidmatan nasihat undang-undang kepada warga Universiti Malaya khususnya dan komuniti tempatan amnya. Semua yang terlibat dengan KBGUM kecuali Pengurus KBGUM adalah sukarelawan dalam bidang undang-undang yang dilantik oleh pihak Fakulti.

KBGUM adalah dikendalikan oleh para pelajar tahun akhir Fakulti Undang-Undang dan dipantau oleh Pengurus KBGUM, staf akademik Fakulti Undang-Undang dan juga ahli profesional yang berkelayakan dari bidang undang-undang. Supervisor KBGUM adalah terdiri daripada pengamal undang-undang.

Objektif Penubuhan

Objektif utama penubuhan KBGUM adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang realiti menjadi peguam yang beraman dan juga memberi galakan kepada para pelajar untuk menilai kesan undang-undang terhadap masyarakat.

Para pelajar yang terlibat akan diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam kerja perundangan sebenar sebagai sebahagian daripada aktiviti pembelajaran mereka dan secara tidak langsung mempersiapkan para pelajar dengan kemahiran undang-undang yang penting seperti kemahiran membuat penyelidikan, kemahiran advokasi dan kemahiran diri untuk menjadi seorang peguam yang berwibawa.

Di samping faedah kepada para pelajar, penubuhan KBGUM juga dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan juga warga Universiti Malaya dengan menyediakan satu saluran untuk mereka mendapatkan khidmat nasihat undang-undang dan seterusnya membantu dapat merungkai permasalahan yang mereka hadapi.

Perkhidmatan Kami

KBGUM menawarkan perkhidmatan undang-undang secara pro bono atau sukarela. Bagaimanapun, perkhidmatan undang-undang yang ditawarkan terhadap kepada nasihat undang-undang sahaja dan KBGUM tidak mengambil sebarang bentuk representasi. KBGUM memberi nasihat awal berkaitan dengan permasalahan undang-undang anda untuk membolehkan anda menilai kekuatan kes klien sebelum mereka meneruskan langkah seterusnya. Perkhidmatan hanya diberi melalui temujanji dan tertakluk kepada terma dan syarat. Tiada sebarang yuran atau fi dikenakan untuk perkhidmatan yang diberi.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi kami di;

**KLINIK BANTUAN GUAMAN UNIVERSITI MALAYA
FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR**

**NO. TELEFON : 03-79676506
EMEL : legallaid@um.edu.my**

PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG TAN SRI PROFESOR AHMAD IBRAHIM

1. PENGENALAN

Perpustakaan Undang-Undang diwujudkan secara rasmi pada tahun 1972, selaras dengan penubuhan Fakulti Undang-Undang. Sebelum itu, koleksi undang-undang diletakkan dibawah koleksi Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

Pada 18 Jun 1999, Perpustakaan Undang-Undang berpindah ke bangunan baru dan dinamakan Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim untuk menghargai sumbangan beliau terhadap Fakulti Undang-Undang dan Perpustakaan Undang-Undang.

2. WAKTU PEMBUKAAN

Semester	Masa
Isnin – Jumaat	8.00 pagi – 10.30 malam
Sabtu – Ahad	9.00 pagi – 4.30 petang
Cuti Am	Tutup

Cuti Semester	Masa
Isnin – Jumaat	8.00 pagi – 7.00 malam
Sabtu – Ahad	9.00 pagi – 4.30 petang
Cuti Am	Tutup

3. KEAHLIAN

Pelajar dan staf Universiti Malaya adalah layak menjadi ahli perpustakaan. Pelajar dikehendaki memaparkan kad matrik setiap kali memasuki Perpustakaan dan adalah diingatkan bahawa kad matrik sama sekali tidak boleh dipindah milik.

4. KOLEKSI

Koleksi Perpustakaan Undang-Undang adalah yang terbesar dan paling komprehensif di Malaysia. Sehingga kini, terdapat lebih daripada 124,000 naskah. Koleksi tersebut dibahagi dan disusun mengikut jenis dan liputan tertentu.

Aras Bawah

Koleksi Malaysiana

Bahan bacaan undang-undang tempatan mengenai Malaysia, ditulis oleh warga Malaysia dan diterbitkan di dalam atau di luar negara, terdiri daripada kedua-dua sumber primer dan sekunder seperti perundangan, kes undang-undang, warta kerajaan, perbahasan parlimen, buku teks, dan soalan peperiksaan.

Koleksi Buku Teks

Buku teks meliputi pelbagai topik undang-undang dan bidang kuasa disusun mengikut kod topik. Kod topik ada dipapar untuk panduan pengguna.

Koleksi Bacaan Bebas

Bahan-bahan dalam koleksi ini terdiri daripada bahan bacaan ringan meliputi fiksyen, pengetahuan am, kesihatan, psikologi dan motivasi.

Koleksi Braille

Terdapat hampir 300 judul bahan dalam format Braille yang boleh digunakan oleh pelajar istimewa.

Aras 1**Koleksi Rujukan**

Koleksi ini hanya boleh digunakan di dalam Perpustakaan sahaja. Koleksi ini terdiri daripada buku-buku rujukan seperti ensiklopedia, kamus, buku panduan, Halsbury, digest, maxim, buku tahunan, abstrak, "citators" dan indeks.

Koleksi Laporan Undang-undang Negara Komanwel & Bukan Komanwel

Koleksi ini terdiri daripada kes-kes mahkamah dari pelbagai negara komanwel di antaranya India, Pakistan, Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Aras 2**Koleksi Akses Tertutup**

Koleksi ini hanya boleh diakses oleh kakitangan Perpustakaan sahaja. Ia terdiri daripada tesis dan disertasi, latihan ilmiah, kertas persidangan yang telah diterbitkan, kertas persidangan yang tidak diterbitkan dan bahan helai cerai.

Koleksi Jurnal

Koleksi jurnal berjilid dan jurnal kini bukan tempatan ditempatkan di sini. Jurnal disusun mengikut judul dan senarai jurnal ada disimpan di Kaunter Perkhidmatan di Aras Bawah.

Koleksi Teras Akademik

Koleksi ini diletakkan bersama-sama dengan Koleksi Akses Tertutup. Ia merupakan senarai bacaan yang dicadangkan oleh pensyarah untuk rujukan pelajar dan boleh dipinjam untuk tempoh tiga (3) hari.

Aras 3**Koleksi Undang-Undang Antarabangsa**

Sumber-sumber yang berkaitan dengan perjanjian dan bahan-bahan yang berkaitan dengan perundangan mahkamah dan tribunal antarabangsa, dokumentasi rasmi dan tulisan-tulisan ilmiah dalam undang-undang antarabangsa, termasuk penerbitan dan jurnal serta maklumat mengenai panduan penyelidikan, buku teks dan penerbitan dari United Nation.

Koleksi Sumber Elektronik

Perpustakaan melanggan pangkalan data dalam pelbagai bidang pengajian. Pangkalan data ini boleh diakses menerusi laman portal Interaktif di

<http://www.diglib.um.edu.my/interaktif/>

Di antara pangkalan data elektronik yang disediakan ialah :

- Academic Search Elite@EBSCOhost
- Cambridge Journals Online (2011-2015)
- CLJ Law
- Hart Publishing e-Books
- Hein Online
- LawNet
- Lexis Advance@Malaysia
- Oxford University Press Journals (2010-2015)
- SAGE Journals
- Taylor & Francis Online (2012-2015)

5. PERKHIDMATAN

- **Orientasi Perpustakaan**
Orientasi perpustakaan dilaksanakan kepada semua pelajar baru dimana pelajar akan diperkenalkan kepada koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Undang – Undang.
- **Pembekalan Dokumen dan Pinjaman Antara Perpustakaan**
Perkhidmatan mendapatkan salinan artikel dan Pinjaman Antara Perpustakaan ini disediakan untuk semua kakitangan akademik, pelajar Ijazah Tinggi dan pelajar tahun akhir Ijazah Dasar(Pembekalan Dokumen sahaja). Perkhidmatan ini membantu membekalkan bahan yang tidak terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya. Pengguna yang memerlukan perkhidmatan ini boleh berhubung dengan Pustakawan Rujukan di Aras Bawah.
- **Pendeta Discovery (pendeta.um.edu.my)**
Pendeta Discovery merupakan katalog akses atas talian Perpustakaan Universiti Malaya yang membolehkan anda mencari semua jenis bahan yang terdapat dalam koleksi perpustakaan.
- **Indeks iMalaysiana (pendeta.um.edu.my)**
iMalaysiana merupakan satu indeks yang diwujudkan untuk mengindeks bahan Malaysiana yang terdapat dalam simpanan Perpustakaan Universiti Malaya. Bahan ini merujuk kepada bab buku, jurnal artikel dan kertas persidangan yang diterbitkan di Malaysia, ditulis oleh rakyat Malaysia atau berkaitan dengan Malaysia.
- **Pengemaskinian Undang-Undang Malaysia**
Pengemaskinian sumber utama undang-undang dilakukan selaras dengan perubahan yang dibuat oleh Parlimen Malaysia dan setiap Dewan Undangan Negeri.
- **Pinjaman**
Koleksi buku rak terbuka dan buku bacaan bebas boleh dipinjam oleh pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah tinggi sebanyak dua buah buku bagi satu bulan.
- **Rujukan**
Pustakawan profesional yang berkelayakan bersedia membantu dan menghulur bantuan berkaitan perkhidmatan perpustakaan kepada tenaga pengajar dan pelajar Universiti Malaya serta para penyelidik dari universiti tempatan dan luar negara, pengamal undang-undang, ahli-ahli badan kehakiman dan ahli luar Perpustakaan.
- **Sesi Kemahiran Maklumat**
Ditawarkan kepada pelajar Ijazah Tinggi dan para akademik Fakulti Undang – Undang dimana pelajar diperkenalkan kepada bahan – bahan yang terdapat di perpustakaan seperti buku, jurnal, tesis dan disertasi serta diajar cara mengguna sumber elektronik yang dilanggan perpustakaan serta menggunakan aplikasi Endnote untuk mengaturlcara senarai rujukan.
- **Sudut Akhbar**
Pengguna boleh membaca surat khabar *The Sun* yang disediakan di Aras Bawah Perpustakaan.

6. KEMUDAHAN

- **Bilik Perbincangan**
Empat (4) buah bilik perbincangan yang boleh menampung lapan orang pengguna boleh digunakan pada bila-bila masa. Pendaftaran boleh dibuat di Kaunter Informasi di Aras Bawah untuk tempahan.
- **Fotokopi**
Kemudahan membuat salinan boleh didapati di Aras 1. Pengguna diingatkan bahawa kebenaran membuat salinan bahan perpustakaan adalah tertakluk kepada Akta Hak Cipta Malaysia 1987. Kemudahan fotokopi layan diri juga terdapat di Aras Bawah dan Aras Satu.
- **Karel**
Terdapat dua belas (12) buah karel untuk pelajar ijazah Tinggi secara harian. Pelajar yang berminat adalah dinasihatkan untuk menempah di Kaunter Informasi.
- **Komputer**
Terdapat sebelas (11) buah komputer bagi kemudahan pengguna untuk mengakses sumber elektronik perpustakaan dan membuat pencarian .
- **Loker / Rak Menyimpan Beg**
Pengguna boleh menyimpan barangan mereka di sini. Namun, pihak Perpustakaan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan barang yang disimpan di loker tersebut.
- **Bilik Moot**
Bilik Moot merupakan kemudahan terkini untuk kegunaan pelajar membuat persediaan bagi pertandingan MOOT.
- **Ruang Membaca**
Kemudahan ini disediakan di setiap aras. Terdapat 'Zon Senyap' di Aras 2 sebagai memenuhi permintaan pelajar bagi tempat yang senyap untuk mengulangkaji.
- **Wifi**
Premis perpustakaan dilengkapi dengan kemudahan wifi. Pengguna perlu mendaftar dengan Pusat Teknologi Maklumat sebelum boleh menggunakan kemudahan ini.

7. CADANGAN / ADUAN

Perpustakaan mengalu-alukan sebarang cadangan, komen atau aduan untuk mempertingkatkan dan memperbaiki mutu perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Sila kemuka cadangan, komen atau aduan terus kepada umlibweb@um.edu.my atau peti cadangan / aduan yang disediakan Perpustakaan.

8. PERATURAN

- Guna kad ahli sendiri semasa memasuki Perpustakaan. Penggunaan kad ahli pengguna lain dilarang.
- Sunyi senyap hendaklah diamalkan.
- Berpakaian sopan dan tidak menjolok mata.
- Dilarang menggunakan telefon bimbit di ruang bacaan.
- Dilarang membawa masuk minuman dan makanan.
- Dilarang merokok di Perpustakaan.

- Kanak – kanak, haiwan peliharaan, beg, fail berzip, payung, topi keledar, botol minuman atau bungkusan tidak boleh dibawa masuk.
- Sesiapa yang didapati mengoyak/merosakkan atau mencuri bahan perpustakaan akan dikenakan tindakan tatatertib.
- Tempahan tempat duduk tidak dibenarkan.
- Letakkan buku yang telah digunakan di atas troli yang disediakan.
- Semua buku, fail dan tas tangan mesti ditunjuk untuk diperiksa apabila dikehendaki berbuat demikian.

Kakitangan Perpustakaan berhak mengarahkan mana – mana pengguna keluar dari Perpustakaan jika didapati tidak mematuhi arahan di atas.

9. BANTUAN KEPADA PENGGUNA

9.1 Waktu Pejabat (8.00 pagi – 5.00 petang)

Encik Mohammed Zaki Abd Rahman (Pustakawan Rujukan)
No. Tel : 03-79676516

9.2 Selepas Waktu Pejabat (5.00 petang – 10.00 malam)

Staf bertugas di Kaunter Perkhidmatan
No. Tel : 03-79676514

9.3 Pustakawan

Puan Ratnawati Sari Mohamad Amin (Ketua)
Penolong Ketua Pustakawan
Emel : ratna@um.edu.my
Tel : 03-79676515

Encik Mohammed Zaki Abd Rahman
Pustakawan Kanan
Emel : mzaki@um.edu.my
Tel : 03-79676516

Puan Haniza Adnan
Pustakawan Kanan
Emel : ahaniza@um.edu.my
Tel : 03-79676583

10. ALAMAT :

Perpustakaan Undang-Undang
Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim
Bangunan Sultan Azlan Shah
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Tel : 03-7967 6514
No. Fak : 03-7967 6517
Url : <https://umlib.um.edu.my>
WebPAC : <http://pendeta.um.edu.my>
Email : umlibweb@um.edu.my
Fb : [www.facebook.com/Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim Law Library](https://www.facebook.com/Tan%20Sri%20Professor%20Ahmad%20Ibrahim%20Law%20Library)
Twitte : [Tweets by@UniMalayaLib](https://twitter.com/Tweetsby@UniMalayaLib)

HADIAH-HADIAH**(a) Hadiah Buku Universiti**

Dianugerahkan kepada pelajar yang memperolehi Ijazah Kelas Pertama dalam Tahap Akhir (mulai sesi akademik 2002/2003 pelajar dengan PNGK akhir 3.70 dan ke atas).

(b) Pingat Emas Puan Sri Haseenah Abdoolcader

Dianugerahkan kepada pelajar terbaik yang lulus Peperiksaan Tahap Akhir bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, dengan mendapat kepujian Kelas Pertama : (mulai sesi akademik 2002/2003, pelajar dengan PNGK akhir 3.70 dan ke atas)

(c) Pingat Emas Syed Kechik

Dianugerahkan kepada pelajar terbaik dalam matapelajaran Jurisprudens dalam Peperiksaan Tahap Pertengahan II (Tahun Ketiga) bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang.

(d) Hadiah Ketua Hakim Negara

Dianugerahkan kepada pelajar yang memperolehi keputusan terbaik dalam peperiksaan Tahap Akhir (berdasarkan PNG tertinggi) bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang

(e) Hadiah Peringatan Ng Ek Teong

Dianugerahkan kepada pelajar terbaik dalam matapelajaran Urusan-Urusan Perdagangan dan kepada pelajar terbaik dalam matapelajaran Undang-Undang Persatuan.

(f) Hadiah Buku Shook Lin & Bok

Dianugerahkan kepada pelajar yang terbaik dalam mata pelajaran Urusan Bank dan Suratcara Urusniaga bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang

(g) Hadiah Buku Tetuan Kadir Tan & Ramli

Dianugerahkan kepada pelajar terbaik dalam matapelajaran Prosedur Sivil di Tahap Akhir.

(h) Hadiah Buku Abdul Raman Saad & Associates

Dianugerahkan kepada pelajar terbaik dalam matapelajaran Undang-Undang Siber bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang.

(i) Hadiah Buku Dato' Rajasooria (Tahun Akhir)

Hadiah buku ini diberikan kepada pelajar terbaik pada keseluruhannya sepanjang pengajian kursus Undang-Undang.

(j) Tun Azmi Foundation

Dianugerahkan kepada pelajar Tahun Akhir yang lulus cemerlang pada setiap tahun yang memperolehi sekurang-kurangnya PNGK 3.7 dalam pencapaian akademiknya.

(k) PARFUM Advocat Prize

(i) Ahmad Ibrahim Award

Dianugerahkan kepada pelajar Tahun Akhir yang terbaik dalam bidang akademik & ko-kurikulum dan memperolehi PNGK 3.70 dan ke atas.

(ii) Tan Sri Visu Award

Dianugerahkan kepada pelajar Tahun Akhir yang terbaik dalam bidang akademik & memperolehi PNGK 3.7 dan ke atas.

AKTIVITI-AKTIVITI PELAJAR

PERSATUAN UNDANG-UNDANG

Persatuan Undang-Undang, Universiti Malaya ialah sebuah pertubuhan pelajar yang ditubuhkan di bawah Akta Universti Malaya (Persatuan Pelajar) 1979. Semua pelajar Fakulti Undang-Undang menjadi ahli persatuan dan ianya diuruskan oleh sebuah Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari. Beberapa Jawatankuasa Kecil akan ditubuhkan oleh Jawatankuasa Eksekutif mengikut acara-acara tertentu yang dijadualkan untuk sesuatu tahun akademik. Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif dan ahli-ahli Jawatankuasa Kecil boleh memilih untuk menyertai mana-mana jawatankuasa acara-acara tahunan ini.

Persatuan Undang-Undang juga menganjurkan beberapa program tahunan seperti Majlis Makan Malam Undang-Undang. Majlis ini adalah untuk meraikan pelajar-pelajar Tahun Akhir khususnya yang akan menamatkan pengajian mereka dan seterusnya memasuki alam pekerjaan. Selain itu program seperti Minggu Orientasi, Minggu Kesedaran Komuniti, Law Career Convention, Sukan Inter-Varsity dan Pertandingan Moot. Ceramah, seminar, latihan perbicaraan dan penayangan filem juga diadakan. Pelajar-pelajar juga sering menyertai persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh Fakulti Undang-Undang lain dari dalam dan luar negeri. Lawatan pertukaran pelajar turut diadakan bersama universiti-universiti tempatan dan luar negeri.

Persatuan ini diwakili di dalam dua Jawatankuasa Pentadbiran Fakulti iaitu Jawatankuasa Perpustakaan Undang-Undang/Perpustakaan Utama dan SubJawatankuasa Kebajikan Pelajar.

Berikut adalah **Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Undang-Undang bagi sesi 2020/2021**

Presiden	:	Iffah Afrina bt. Saleh
Naib Presiden	:	Learani Augustine
Bendahari	:	Chew Thean Ern
Setiausaha	:	Elsa Ruth Tam
Naib Setiausaha	:	Ignatius Joel Nathan

PERSATUAN PELAJAR UNDANG-UNDANG ASIA (ALSA)

Persatuan Pelajar Undang-Undang Asia (ALSA) merupakan sebuah pertubuhan mahasiswa undang-undang rantau Asia yang diilhamkan daripada ASEAN Law Students' Conference di Jakarta pada 18 Mei 1989. Ia merangkumi 15 negara anggota iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Macau, Thailand, Korea Selatan, China, Sri Lanka, Laos, Taiwan, Hong Kong, Vietnam, Singapura dan Brunei. Di Malaysia, ALSA mempunyai 13 cabang di universiti-universiti awam dan swasta. **ALSA Universiti Malaya** ialah salah satu daripadanya dan aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang berteraskan visi dan misi ALSA.

Antara objektif penubuhan ALSA adalah sebagai satu medium permuafakatan pelajar undang-undang di Asia, menjadi wadah diskusi untuk memahami perbezaan sistem undang-undang yang diaplikasikan di setiap negara Asia. Selain itu, ia juga berobjektif untuk menggalakkan penghasilan graduan undang-undang

Asia yang berkualiti iaitu mempunyai sudut pandang global, mempunyai kesedaran dan rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap isu-isu berkaitan hak asasi serta komited terhadap tanggungjawab akademik yang diamanahkan.

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh ALSA Universiti Malaya pada sesi akademik 2015/2016:

Asian Law Student Association (ALSA) UM Sesi 2021/2021

Presiden	:	Muhammad Akhmal Amaluddin b. Mat Aris
Naib Presiden	:	Natalie Jong Ling Li
Setiausaha	:	Leezzie John
Penolong Setiausaha	:	Lim Qian Wen
Bendahari	:	Ho Yu Fei

1. Program Pertukaran Pelajar (SEP)

Program Pertukaran Pelajar ini diadakan di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya. Delegasi-delegasi yang terlibat merupakan pelajar undang-undang dari China (ECUST, ECUPL, SWUPL, Hainan University), Filipina (Ateneo de Manila University), Thailand (Thammasat University, Prince of Songkla University), Indonesia (Universitas Pancasila, Universitas Tarumanagara dan Universitas Indonesia), Australia (Griffith University), Korea Selatan (Korean National Police University), Jepun (Kyushu University) dan Wales (University of Bangor). ALSA UM turut menganjurkan persidangan akademik, debat serta sesi perbincangan mengenai sistem undang-undang setiap negara yang terlibat dalam Program Pertukaran Pelajar ini. Program ini telah berjaya merapatkan hubungan antara pelajar-pelajar dari berlainan agama, budaya dan bahasa, selain itu dapat menambahkan ilmu undang-undang yang berlainan dari negara kita. Selain daripada itu, ALSA UM juga menghantar pelajar-pelajar Fakulti ke luar negara seperti China, Indonesia, Jepun dan Thailand untuk menyertai Program Pertukaran Pelajar yang dianjurkan oleh pihak universiti negara tersebut.

COMMUNITY OUTREACH PROGRAMME (COP)

Community Outreach Programme (COP) adalah sebuah program "*Clinical Legal Education*" (CLE) yang telah ditubuhkan di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya pada 2007. Objektif utamanya adalah untuk memberikan pendidikan undang-undang asas kepada masyarakat bagi mencapai status celik undang-undang dengan motonya "Discere Docendo" yang bermaksud pembelajaran melalui pengajaran. (learning through teaching). Program COP ini dijalankan oleh pelajar-pelajar dari Fakulti Undang-Undang dan penglibatan pelajar-pelajar ini adalah secara sukarela. Program COP ini diselia oleh Prof. Madya Norbani Mohamed Nazeri yang menerajui organisasi ini dan dibantu oleh Puan Aisyah Mohd Soberi.

Antara institusi-institusi yang telah bekerjasama dengan COP dalam menjalankan program-program ialah Sekolah Intergriti Kajang, Sekolah Tunas Bakti Sg Besi, Sekolah Henry Gurney, KL Krashpad, Pusat Aktiviti Kanak Kanak (PAKK) di Chow Kit, Kuala Lumpur dan Kechara Soup Kitchen. COP juga menjalankan beberapa kolaborasi bersama-sama dengan universiti-universiti antarabangsa dan di antaranya Universitas Pasundan Bandung untuk Program "Migrant Workers", Universitas Indonesia untuk Program "Street Law for Urban Kids" dan Prince of Songkla University, Thailand.

Kaedah pembelajaran yang diketengahkan oleh COP ialah kaedah pembelajaran secara interaktif dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan supaya sesuatu topik dapat disampaikan dengan berkesan, efektif dan menyeronokkan. Ini termasuklah kuliah mini, roleplay, dan pelbagai permainan menarik. COP mengutamakan kaedah mengajar sesama sendiri (teach others) sebagai kaedah yang paling berkesan dalam pembelajaran.

KELAB MOOT

Kelab Moot Fakulti Undang-Undang telah ditubuhkan pada tahun 2011. Tujuan penubuhan kelab ini adalah untuk menyelia projek-projek berkaitan aktiviti mootng pelajar di Fakulti dan mempromosikan budaya mootng bagi menarik minat pelajar. Selain itu, kelab ini juga ditubuhkan untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang budaya mootng di Fakulti, menggalakkan serta mencungkil bakat baru mootng dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa Fakulti Undang-Undang untuk mewakili Fakulti dalam pelbagai pertandingan moot sama ada di dalam atau di luar negara.

Beberapa pertandingan Moot telah disertai oleh pelajar-pelajar Fakulti seperti;

1. Phillip C. Jessup International Law Moot Court Competition (Peringkat Kebangsaan) (UKM)
2. 15th National International Humanitarian Law Moot Court Competition (UIA)
3. Tun Suffian International Human Rights Moot Court Competition (UM)
4. Pertandingan Perbicaraan Mahkamah Olok-Olok Peringkat Kebangsaan
5. Price Media Law Moot Court Competition (China & United Kingdom)
6. Novice Arbitration Moot Competition (KLRCA)
7. National Client Consultation (UKM)
8. UM-NUS Friendly Moot Competition
9. 18th International Maritime Law Arbitration Moot Competition (Australia)
10. LawAsia International Moot Competition (KLRCA)
11. Penghujahan Mahkamah Syariah Peringkat Kebangsaan (USIM)
12. Pertandingan Moot Asia Cup (Jepun)

Ada di antara pertandingan-pertandingan yang disertai oleh pelajar telah menaikkan nama Fakulti khususnya dan Universiti amnya apabila mereka memenangi pertandingan tersebut dan seterusnya mewakili negara ke peringkat antarabangsa. Ia satu pencapaian yang boleh dibanggakan oleh pihak Fakulti dan dengan adanya kelab ini akan dapat menaikkan lagi nama Fakulti dan Universiti setanding dengan universiti-universiti terkemuka di dunia.